

NOTA SEJARAH

TINGKATAN 1



BAB 1 : SEJARAH DAN KITA

(1) Pengertian Sejarah

1. Perkataan Arab - **syajaratun** - pohon atau pokok, salasilah, keturunan, asal-usul dan riwayat.
2. **Ibn Khaldun** – masyarakat dan peradaban manusia dan perubahan yang berlaku pada sifat masyarakat
3. **Herodotus** – cerita tindakan manusia dan sebab mereka melakukannya.
4. **Muht. Yusof Ibrahim** – rekod peristiwa yg berlaku.
5. Penyelidikan perkara yg telah berlaku

(2) Ciri-ciri Sejarah

a) Fakta yang tepat dan benar.

1. Fakta Sejarah dibuktikan melalui
 - i. peristiwa
 - ii. tempat
 - iii. tokoh
 - iv. tarikh
2. Fakta tidak boleh direka/ditokok tambah.
3. Fakta sejarah – bukti kesahihannya

b) Penting dan bermakna.

1. Peristiwa penting kepada negara - kemerdekaan
2. Peristiwa penting kepada pelajar - tarikh lahir pelajar.

c) Sebab dan akibat.

1. Mencari kebenaran sesuatu peristiwa
2. Bagi mengetahui sebab dan akibat peristiwa – **apa, siapa, bila, di mana, mengapa dan bagaimana**
3. Sejarawan membuktikan kesahihan fakta
4. Sebab & akibat sesuatu peristiwa timbulkan perasaan ingin tahu

(3) Sumber Sejarah

Ciri Sumber Pertama/Sumber Primer.

- i. fosil, artifak dan keterangan lisan.
- ii. Belum diolah dan dicetak
- iii. Masih asli dan belum ditaksir.
- iv. Contoh: fail rasmi jabatan, surat peribadi, manuskrip belum dicetak & batu bersurat.

Ciri Sumber Kedua/Sumber Sekunder.

- i. Bahan yg dikaji melalui bacaan bahan bertulis.
- ii. Ditulis oleh sejarawan.
- iii. Diolah dan dicetak.
- iv. Disebarkan kepada umum.
- v. buku, majalah, jurnal, akhbar dan risalah.

(4) Kaedah Pengkajian Sejarah

a) Kaedah lisan.

1. Maklumat diperolehi secara terus
2. melalui ucapan, penceritaan, perbualan
3. Maklumat sejarah drp ucapan tokoh.
4. Maklumat berkait dgn tradisi sastera rakyat spt mitos, legenda, dongeng dan puisi.
5. Sejarawan memilih, mentafsir dan bandingkan fakta
6. Kelemahan - wujudnya unsur tokok tambah yang bercampur dengan unsur mitos, legenda dan dongeng.
7. Kesan kemajuan sains dan teknologi ➔ **kaedah pandang dengar** digunakan. Contoh: televisyen, pita rakaman & internet

b) Kaedah bertulis.

1. Maklumat drp sumber yang ditulis, dilakar atau dipahat pada batu, kulit kayu, gading dan sebagainya.

c) Kaedah arkeologi.

1. Maklumat berdasarkan kajian saintifik.
2. Antara cabang bidang arkeologi ialah angkasa lepas, maritim dan gali cari.
3. Maklumat ditemui melalui proses gali cari.
4. Melalui proses gali cari, ketetapan usia bahan dapat disahkan melalui kajian saintifik seperti pentarikhkan radiocarbon.

(5) Pentafsiran Sejarah

1. Tafsiran menjadikan peristiwa bermakna,
2. Sejarawan berusaha mencari jawapan
3. Tafsiran tepat memerlukan penyelidikan
4. Tafsiran mungkin berbeza antara sejarawan.
 - i. ada yang kata pembunuhan Birch kerana beliau memperkenalkan sistem cukai.
 - ii. Sejarawan lain - pembunuhan kerana Birch ambil alih kuasa pembesar dan raja
5. Tafsiran berbeza disebabkan pandangan yang berlainan antara sejarawan.
 - i. Sejarawan barat - penjajahan British kerana ingin membantu raja menenteramkan kacau bilau
 - ii. Sejarawan lain - penjajahan kerana British ingin membolot kekayaan ekonomi Tanah Melayu.
 - iii. Sejarawan Barat - anggap Tok Janggut, Dato Bahaman sebagai pemberontak.
 - iv. Sejarawan tempatan - anggap pahlawan Melayu sebagai pejuang tanah air.
6. Sejarawan mestilah jujur dan bertanggungjawab ketika membuat penyelidikan dan penilaian peristiwa sejarah

(6) Tujuan mempelajari Sejarah

1. Banyak ilmu pengetahuan.
2. Mengetahui kepentingan sesuatu peristiwa
3. Memahami sejarah tamadun awal bangsa
4. Melahirkan perasaan jati diri yang tinggi
5. Membentuk keperibadian bangsa
6. Ketahui pemimpin dan tokoh negara
7. hargai jasa dan pemimpin negara masa lalu dan kini
8. Sikap berhati-hati agar tidak mengulangi kesilapan
9. Merangka wawasan masa depan dengan yakin untuk mempertahankan kedaulatan dan kemajuan negara.

(7) Faedah mempelajari sejarah.

1. Panduan untuk memperbaiki kesilapan
2. Menjadi perangsang memajukan negara
3. Mengingati zaman keagungan kita
4. Memupuk semangat patriotisme
5. Rakyat berbangga menjadi rakyat Malaysia

(8) Rumusan

1. Sejarah - panduan dan pengajaran untuk panduan masa kini dan masa hadapan.
2. Melalui sejarah, generasi kita dipupuk dengan semangat patriotisme
3. Sejarah membantu kita menghargai serta memelihara kemerdekaan dan kedaulatan negara.

BAB 2 : ZAMAN PRASEJARAH DI MALAYSIA

(1) Pengenalan tentang zaman prasejarah

1. Zaman Prasejarah dibahagikan
 - i. Zaman Paleolitik
 - ii. Zaman Mesolitik
 - iii. Zaman Neolitik
 - iv. Zaman Logam.
2. Tempoh masa setiap zaman beza antara satu tempat dengan satu tempat yang lain.
3. Perbezaan zaman bergantung kepada kemajuan tempat tersebut.
4. Zaman Prasejarah di Malaysia
 - i. Zaman Paleolitik,
 - ii. Zaman Neolitik
 - iii. Zaman Logam.
5. Malaysia tidak mengalami Zaman Mesolitik
6. Penyelidikan terdahulu - selepas Zaman Paleolitik, kita mengalami Mesolitik bercirikan alat batu Hoabinh di Vietnam.
7. Alat batu bercirikan alat batu Hoabinh di Bukit Jawa, Lenggong ialah alat batu Zaman Paleolitik.
8. Zaman Logam terbahagi
 - i. zaman Gangsa
 - ii. zaman Besi

(2) Zaman Paleolitik

a) Ciri-ciri penempatan.

1. Hidup berpindah-randah (nomad).
2. Tempat tinggal ialah
 - i. di kawasan terbuka (luar gua),
 - ii. dalam gua
 - iii. sekitar tasik.

b) Kegiatan dan peralatan.

1. Buru binatang liar.
2. Pungut hasil hutan
3. Hidup sara diri.
4. Guna alat batu yang kasar untuk memotong daging dan menetak pokok.
5. Alat batu penetak - utk meraut & memotong.

c) Kepercayaan.

1. Animisme - percaya benda seperti batu mempunyai semangat
2. upacara perkuburan.
3. Mayat dikebumikan bersama barang-barang
4. Manusia Perak dikebumikan kaki berlipat.

d) Petempatan zaman Paleolitik di Malaysia.

1. Di Perak - Bukit Jawa, Kota Tampan dan Bukit Bunuh di Lenggong.
2. Di Sarawak - Gua Niah
3. Di Sabah - Tingkayu

e) Penemuan zaman Paleolitik di Malaysia.

1. Di Kota Tampan – disahkan melalui pentarikhkan saintifik dan menandakan Malaysia antara negara terawal mengalami Zaman Prasejarah Dunia.
2. Gua Niah – kegiatan penggalian dilakukan.
3. Gua Gunung Runtuh – ditemui manusia Perak

(3) Zaman Neolitik

a) Ciri-ciri penempatan.

1. Menetap di dalam gua /hamper dgn sungai.
2. Wujud sistem bermasyarakat - mempunyai ketua dan pembahagian kerja.

b) Kegiatan dan peralatan.

1. Cipta alat tembikar seperti periuk
2. Bercucuk tanam.
3. Tangkap ikan.
4. Ternak binatang.
5. Berburu
6. Pungut hasil hutan.
7. Berdagang secara tukar barang.
8. Guna alat batu tetapi lebih kemas buatannya
9. Cipta barang kemas spt kalung, anting-anting

c) Kepercayaan.

1. Mengamalkan kepercayaan animisme

d) Petempatan zaman Neolitik di Malaysia.

1. Di Kelantan - Gua Cha
2. Di Sabah - Bukit Tengkorak

e) Penemuan zaman Neolitik di Malaysia.

1. Gua Cha, Kelantan – ditemui pengebumian manusia
2. Bukit Tengkorak, Sabah –
3. Gua Harimau, Perak – ditemui artifak tembikar.

(4) Zaman Logam

a) Ciri-ciri penempatan.

1. tinggal menetap
2. ada masih tinggal di dalam gua
3. ada tinggal berhampiran sungai.

b) Kegiatan dan peralatan.

1. alat logam daripada gangsa dan besi.
2. bercucuk tanam.
3. Tangkap ikan.
4. ternak binatang.
5. Berburu.
6. Perdagangan tukar barang.

c) Kepercayaan.

1. Kepercayaan dan pegangan hidup tertentu.
2. Pengebumian menggunakan kepingan batu.

d) Petempatan zaman Logam di Malaysia.

1. Di Pahang - Sungai Tembeling
2. Di Perak - Gua Harimau dan Changkat Menteri

e) Penemuan zaman Logam di Malaysia.

1. Sg Tembeling, Pahang – dijumpai kapak dan mata lembing
2. Lembah Bernam, Selangor – ditemui sabit.
3. Klang, Selangor – ditemui pisau.
4. Gua Harimau, Perak – kapak gangsa & acuannya
5. Raub, Pahang – dijumpai tulang mawas.

(5) Rumusan

1. Penemuan di Bukit Jawa buktikan zaman pra sejarah di Malaysia bermula 200000 - 300000 tahun dahulu.
2. Malaysia terkenal dengan penemuan Manusia Perak.
3. Harus contohi kegigihan dan semangat berusaha
4. Harus jadi warganegara yang gigih dan berdikari tanpa mengharap bantuan daripada orang luar.

**BAB 3 : KERAJAAN AWAL DI ASIA
TENGGERA**

(1) Kerajaan agraria

1. Berasaskan pertanian.
2. Terletak di tanah subur, lembangan sungai dan kawasan pedalaman.
3. Berburu,
4. Kutip hasil hutan
5. Tangkap ikan.
6. Menanam ubi taro, padi huma dan padi sawah
7. Ternak binatang.
8. Bina empangan,
9. Bina terusan dan saliran
10. Pemerintah - bina dan uruskan sistem pengairan

b) Kerajaan Angkor

1. Pusat kerajaan di hilir Sungai Mekong.
2. Pertanian di sekitar tasik Tonle Sap.
3. Bina baray (kolam air besar) utk kegiatan pertanian.
4. Raja dianggap Devaraja
 - i. wakil dewa untuk memimpin manusia
 - ii. berkuasa mutlak.
5. Raja dibantu oleh kerabatnya
6. Kegemilangan semasa Suryavarman II.
7. Agama utama - Hindu-Buddha.
8. Bukti kewujudan Hindu-Buddha ialah Angkor Wat.

c) Kerajaan Funan

1. Kerajaan terawal di Asia Tenggara.
2. Pusat kerajaan terletak di Vyadhapura
3. Empangan, saliran, takungan air mengairi pertanian
4. Bekalan air dr Sg Mekong dan persisiran pantai.
5. Raja pertama – Kaundinya (bergelar Kurung Bnam)
6. Jeneral agung ialah Fan Shih-Man.
7. Pelabuhan utama - **Oc-Eo**
8. Jalan perhubungan utama - Sungai Mekong.

(2) Kerajaan Maritim

1. Terletak di persisiran pantai.
2. Pusat pentadbiran di kawasan muara sungai.
3. Kegiatan berkaitan laut - perdagangan, perikanan.
4. Laut menjadi laluan perdagangan utama.
5. Pelabuhan di kuala sungai sbg pusat perdagangan.
6. Pelabuhan lengkap dgn bekalan air, tempat tinggal,
7. Menjadi orang tengah
8. Barangan dikumpulkan -. hasil hutan, rempah ratus,
9. Bina kapal,
10. Kuasai ilmu pelayaran. Belayar ke Afrika Timur.

b) Kerajaan Champa

1. Diasaskan oleh Chu-Lien.
2. Raja Champa dipengaruhi agama Hindu.
3. Terdapat pegawai pemungut cukai.
4. Pelabuhan utama ialah **Inderapura**.
5. Ditadbir oleh 14 dinasti.
6. Kurun ke-13, dipengaruhi oleh China. Pengaruh China lenyap pada kurun ke-15.
7. Tahun 400M, kerajaan diterajui oleh Bhadravarman.
8. Nama Champa wujud pada tahun 655 Masihi.

c) Kerajaan Chih Tu

1. Menurut I-Ching, Chih-Tu bermaksud Tanah Merah.
2. Diasaskan oleh Raja Gautama
3. Diketuai oleh seorang raja berkuasa mutlak.
4. Raja dibantu 3 orang menteri
5. Sistem pemerintahan ikut corak Srivijaya
6. Menerima pengaruh Hindu.

d) Kerajaan Srivijaya

1. Pusat pemerintahan di Palembang,
2. Raja berkuasa mutlak.
3. Menurut catatan Arab, raja dianggap Raja di Gunung dan Maharaja di Pulau.
4. Menteri - perantaraan antara raja dan rakyat.
5. Catatan batu bersurat di Telaga Batu
 - i. pentadbiran diraja,
 - ii. pentadbiran ketenteraan
 - iii. pentadbiran daerah.

e) Kerajaan Kedah Tua

1. Kerajaan awal di Sem. Tanah Melayu
2. Dikenali sebagai Kataha.
3. Menurut I-Ching, Kedah Tua disebut Cheh-Cha.
4. Pelabuhan peringkat awal di Sg Mas -- berpindah ke Lembah Bujang.
5. Dipengaruhi Buddha - kemudiannya agama Hindu.
6. Bukti pengaruh Hindu-Buddha - peninggalan candi di Lembah Bujang (candi di Bukit Batu Pahat).
7. Gunung Jerai - panduan kepada pedagang yang ingin ke pelabuhan Sungai Mas dan Lembah Bujang.
8. Pelabuhan di Kedah Tua - pusat tukar barang dan persinggahan pedagang sebelum belayar ke timur.
9. Menjadi pusat barangan dagang tempatan spt beras,
10. Menjadi pengeluar padi
11. Bukti kegemilangan sebagai pelabuhan entreport
 - i. penemuan wang perak pmhan Sultan al-Mutawakil
 - ii. manik dari India
 - iii. barangan kaca dari Timur Tengah.

f) Kerajaan Majapahit

1. Diasaskan oleh Raden Wijaya
2. Menerima pengaruh Hindu-Buddha.
2. Pentadbiran berasaskan Undang Manu.
3. Raja dibantu Perdana Menteri dan 4 orang menteri.
4. amalkan konsep Devaraja.
5. Kegemilangan ketika pemerintahan Hayam Wuruk
6. Dibantu Perdana Menterinya (Patih Gajah Mada).
7. Dikunjungi pedagang luar
8. Pelabuhan utama-Kataha (Kedah Tua) & Temasik.

(3) Rumusan

1. Pentadbiran teratur bolehkan kemudahan di pelabuhan.
2. Kecekapan pemimpin mentadbir kerajaan
3. Pemerintahan tersusun wujudkan suasana aman
4. Sokongan rakyat membantu kemajuan
5. Berbangga dgn kebolehan mengendalikan pelabuhan dan perdagangan bertaraf dunia
6. Keamanan, bermasyarakat, kesetiaan, bersatu padu, dan harmoni - penting dlm pemerintahan

BAB 4 : PENGASASAN KESULTANAN MELAYU MELAKA

(1) Parameswara Pengasas Kesultanan Melayu Melaka

a) Kedatangan Parameswara

1. Selepas kejatuhan kerajaan Srivijaya di Palembang, muncul kerajaan Majapahit.
2. Majapahit kuasai Palembang dan Temasik.
3. Raja Palembang & puteranya (Parameswara) berusaha bebaskan penguasaan Majapahit di Palembang
4. Majapahit menyerang Palembang,
5. Parameswara berundur ke **Temasik**.
6. Di Temasik, Parameswara disambut baik Temagi
7. Temasik di bawah naungan Siam.
8. Parameswara menuntut hak pertuanan Temasik kerana Temasik pernah jadi naungan Srivijaya.
9. Parameswara **bunuh Temagi**.
10. Majukan Temasik bagi kembalikan kegemilangan Srivijaya
11. Pembunuhan Temagi menyebabkan
 - i. Siam ingin menuntut bela,
 - ii. Majapahit ingin menakluki Temasik.
12. Parameswara dan Orang Laut berpindah ke Muar untuk mengelakkan serangan Siam dan Majapahit.
13. Dari Muar - ke Sening Ujung dan Bertam menuju ke utara.
14. Tiba di perkampungan nelayan.
15. Perkampungan nelayan didiami oleh orang Melayu,, Orang Laut dan Orang Asli.
16. Tempat sesuai kerana berhampiran laut - laluan kapal dagang dan mudah memperoleh bekalan air
17. Muka bumi berbukit-bukau - petunjuk kpd pelayar & memudahkan urusan mengawal Selat Melaka.
18. Pokok bakau dan api-api menjadi benteng jadi.pertahanan dan pelindung semula
19. Muara sungai yang terlindung daripada tiupan angin monsun tidak mengganggu kegiatan perdagangan.

(2) Asal-usul nama Melaka.

a) Berasal daripada nama pokok.

1. Parameswara berehat di bawah pokok Melaka - terlihat pelanduk menendang anjing perburuannya.
2. Peristiwa dianggap luar biasa kerana pelanduk yang kecil mampu mengalahkan anjing.
3. Tempat tersebut didirikan kerajaan
4. Menamakan nama Melaka sempena nama pokok

b) Berasal daripada istilah Arab.

1. Pedagang Arab - Melaka "**Mulaqah**" bermaksud "**pertemuan**".
2. Melaka disebut "**Malakat**" bermaksud "**perhimpunan segala dagang**".

c) Berasal daripada bahasa Sanskrit.

1. Pokok Melaka bahasa Sanskrit dikenali "**Amalaka**".
2. Menurut mitos Hindu, "**Amalaka**" ialah pokok pertama yang hidup di alam semesta.

3. Pokok dikaitkan tempat kediaman tuhan agama Hindu iaitu Brahma, Vishnu dan Shiva.
4. Buah pokok - dikatakan mempunyai kuasa ajaib.

(3) Kegigihan Parameswara

a) Sistem pemerintahan yang teratur.

1. Pembesar bertanggungjawab hal ehwal balairung seri.
2. 40 orang bentara - jalankan perintah raja.
3. Biduanda kecil - bawa alat-alat kebesaran diraja.
4. Biduanda dikenali sebagai budak kundang, budak raja, juak-juak, hamba dan orang suruhan raja.

b) Kemudahan pelabuhan.

1. Kemudahan di pelabuhan - baiki kapal, bekalan air
2. Sediakan tempat penginapan

c) Hubungan diplomatik

1. Hubungan dgn Siam- elakkan Melaka dari diserang
 2. Hubungan diplomatik dengan Siam - pengiktirafan Siam ke atas kedaulatan Melaka.
 3. Hubungan dgn China terjalin apabila Laksamana Yin Ching datang
 4. Laksamana Cheng Ho melawat Melaka
 5. Parameswara memohon perlindungan China.
 6. Melaka menjadi negeri naungan China
 7. Melaka hantar ufti.
 8. Kerajaan China mengurniakan payung kuning, cap mohor dan sepersalihan pakaian
 9. Melaka hantar utusan ke negeri China.
 10. Hubungan Melaka dan China menyebabkan Siam dan Majapahit tidak berani menyerang Melaka.
 11. Hubungan Melaka-China bangunkan perdagangan
- d) Bantuan / Peranan orang laut**
1. jaga keselamatan perairan Melaka.
 2. mempunyai ciri pahlawan
 3. mahir bidang kelautan dan selok-belok Selat Melaka taat dan setia kepada sultan dan kerajaan Melaka.
 4. bantu bawa barang dagang ke kapal pedagang .
 6. bekalkan hasil laut untuk kegiatan perdagangan
 7. Menurut Tome Pires & de Barros pusat petempatan Orang Laut di Bentan, Temasik dan Lingga.

e) Ikatan konsep daulat.

1. Parameswara dibantu oleh rakyatnya
 - i. Orang Melayu
 - ii. Orang Laut
 - iii. Orang Asli.
2. Orang Asli bekalkan hasil hutan .
3. Orang Laut bekalkan hasil laut dan menjaga keselamatan Selat Melaka.
4. Orang Melayu menjadi ketua-ketua masyarakat
5. Orang Melayu dilantik sebagai pembesar seperti hulubalang dan biduanda dalam pentadbiran Melaka.

(4) Rumusan

1. Parameswara bijak mengatur strategi.
2. Sifat kepemimpinan dan wawasan Parameswara sewajarnya dicontohi.
3. Keyakinan dan kegigihan Parameswara telah membangunkan Melaka

BAB 5 : KEGEMILANGAN MELAKA

(1) Pentadbiran – pembesar empat lipatan

1. Peranan sultan Melaka
 - i. Selaraskan kegiatan ekonomi Melaka
 - ii. lambang perpaduan rakyat jelata.
 - iii. Ketua hubungan diplomatik.
 - iv. ketua agama Islam.
 - v. ketua adat istiadat Melayu.
 - vi. Ketua angkatan tentera.
 - vii. Lantik pembesar negeri.
2. Sultan dibantu oleh pembesar berempat
 - i. Bendahara
 - ii. Penghulu Bendahari
 - iii. Temenggung
 - iv. Laksamana
3. Peranan Bendahara
 - i. Penasihat sultan dalam pentadbiran
 - ii. Menteri utama.
 - iii. Ketua turus angkatan perang.
 - iv. Ketua hakim.
 - v. Pemangku sultan
4. Peranan Penghulu Bendahari
 - i. Pungut hasil atau ufti
 - ii. Ketua segala bendahari.
 - iii. Ketua urusetia istana.
 - iv. Ketua segala syahbandar.
5. Peranan Temenggung
 - i. Ketua polis dan penjara
 - ii. Penguasa Bandar dan kota Melaka.
 - iii. Protokol istana
 - iv. Hakim di darat.
6. Peranan Laksamana
 - i. Ketua angkatan laut
 - ii. Pengawal peribadi sultan
 - iii. Ketua duta
 - iv. Mengetuai utusan
7. Pembesar Berempat dibantu oleh
 - i. Pembesar Berlapan
 - ii. Pembesar Enam Belas
 - iii. Pembesar Tiga Puluh Dua
8. Sultan memberi kuasa kepada pembesar untuk mentadbir wilayah, sungai atau pulau.
9. Kawasan pentadbiran pembesar dikenali “**Kawasan Pegangan**”.
10. Kawasan Pegangan Bendahara di Muar dan Bentan.
11. Kawasan Pegangan Penghulu Bendahari di Sening Ujung dan Kampar.
12. Kawasan Pegangan Laksamana di Temasik.
13. Kawasan Pegangan Hulubalang di Sungai Raya dan Siantan.
14. Temenggung tiada Kawasan Pegangan
15. Sultan melantik pembesar jajahan dan daerah untuk memungut cukai.

16. Kawasan memungut cukai dikenali “**Kawasan Pemakanan**”.
17. Pembesar menghadap dan memberi ufti

(2) Pusat perdagangan

a) Kedudukan geografi

1. Di laluan Timur & Barat.
2. Kuasai Selat Melaka
3. Kapal dagang singgah dan tinggal serta dapatkan bekalan makanan dan minuman.
4. Muara Sg Melaka dalam - dapat berlabuh dengan mudah
5. Terlindung drp tiupan angin monsun Barat Daya kerana terdapatnya pulau Sumatera
6. Banjaran Titiwangsa halang tiupan angin monsun Timur Laut ke pelabuhan Melaka.
7. Pedagang Timur datang - ikut angin monsun Timur Laut.
8. Pedagang Barat datang - ikut angin monsun Barat Daya.
9. Ketika menunggu peralihan angin monsun, pedagang timur dan barat berjual beli
10. Pedagang Melaka menjadi orang tengah dalam urusan jual beli antara pedagang
11. Bentuk muka bumi Melaka berbukit-bukau menjadi panduan kepada pedagang yang belayar di Selat Melaka – awasi keselamatan Selat Melaka

b) Peranan Syahbandar

1. Pengurus pelabuhan.
2. melicinkan urusan perdagangan di Melaka.
3. uruskan pasar dan gudang.
4. Jaga keselamatan pedagang
5. Periksa alat timbang, sukat dan mata wang.
6. Hakim di pelabuhan.
7. Kuatkuasakan peraturan keluar masuk kapal.
8. Mengurus cukai.
9. 4 orang Syahbandar
 - i. Syahbandar 1 urus pedagang dari Gujerat
 - ii. Syahbandar 2 urus pedagang dari China, Champa dan Ryukyu.
 - iii. Syahbandar 3 urus pedagang dari Kalingga, Pegu, Benggala dan Parsi.
 - iv. Syahbandar 4 urus pedagang Jawa, Maluku, Banda, Kalimantan, Borneo, Pasai dan Filipina.

c) Peranan Laksamana dan orang laut

1. jaga keselamatan perairan Selat Melaka.
2. kawalan keselamatan oleh orang Laut.

d) Undang-undang Laut Melaka

1. Pastikan aktiviti perdagangan lancar
2. 24 fasal
 - i. peraturan dan tata tertib berniaga
 - ii. hukum jenayah yang berlaku di kapal,
 - iii. larangan-larangan dan tanggungjawab nakhoda, kiwi serta anak kapal.

e) Kemudahan di pelabuhan

1. gudang menyimpan barang
2. tempat tinggal pedagang
3. Syahbandar sediakan perahu, kapal jong, lancer, gajah dan pekerja
4. Kemudahan membaiki kapal di pelabuhan
5. Makanan dan minuman kepada pedagang.

f) Sistem cukai & surat kebenaran berniaga

1. cukai berpatutan dan adil
2. Pedagang bayar “Panduan” (cukai rasmi) sebelum berjual beli.
3. Kadarnya berbeza - ikut tempat asal pedagang.
4. Sistem dinamakan sistem cukai berkeutamaan atau cukai mengikut tempat.
5. Pedagang dari Barat seperti India, Tanah Arab, Siam dan Pegu dikenakan cukai 6%.
6. Pedagang tinggal tetap di Melaka -cukai 3%.
7. Pedagang dari China dan Jepun tidak perlu membayar cukai – perlu bawa persembahan atau hadiah kepada sultan
8. Perlu dapatkan surat kebenaran berniaga.
9. Surat dianggap sebagai lesen

g) Penggunaan sistem mata wang

1. Mata wang diperkenalkan di Melaka
 - i. Wang logam drp timah-dipanggil calains
 - ii. mata wang emas tempatan
2. Mata wang emas, perak dan timah dari Pedir, Pasai, Kembayat & Gujerat

h) Pelabuhan entrepot.

1. Pelabuhan entrepot - kumpul barangan dari Kepulauan Melayu & edar barangan dari Timur & Barat ke Kepulauan Melayu.

i) Bahasa Melayu sebagai lingua franca

1. Bahasa perantara
2. Pedagang asing guna bahasa Melayu
3. Pelbagai jenis bahasa di Melaka
4. Menurut Tom Pires, di pelabuhan Melaka ada 84 bahasa yang berlainan
5. Bahasa Melayu sebagai lingua franca kerana mudah difahami.

(3) Kematangan hubungan luar

Hubungan Melaka dengan Pasai

1. Perkahwinan antara Sultan Melaka (Megat Iskandar Shah) dengan puteri Pasai.
2. Pertukaran pendapat ttg hukum agama
3. Melaka dan Pasai dianggap kerajaan setaraf.
4. Apabila berutus surat – guna istilah salam.
5. Melaka bantu Pasai menamatkan huru-hara
6. Melaka memperoleh bekalan lada hitam, emas dan beras dari Pasai.

Hubungan Melaka dengan Jawa

1. bentuk perdagangan .
2. Jawa membekalkan beras, bahan makanan dan rempah kepada Melaka.

Hubungan Melaka dgn negeri naungan

1. Siak & Kampar bekalkan emas kpd Melaka.
2. Melaka menakluki Kampar dan Siak - kuasai hasil perdagangan
3. Kampar dan Siak diberikan taraf naungan.
4. Apabila berutus surat kedua-dua negeri perlu menggunakan istilah sembah.
5. Ufti ke Melaka -bentuk wang atau barangan.
6. Ketika Sultan Melaka melakukan lawatan ke luar negeri, raja negeri naungan perlu mengiringi baginda. Sultan Mansor Shah melawat Majapahit, baginda diiringi oleh raja-raja Palembang, Jambi dan Lingga.

Hubungan Melaka dengan China

1. Bermula apabila Laksamana Yin Ching melawat Melaka pada tahun 1404.
2. Hubungan perdagangan dan diplomatik.
3. Dapat pengiktirafan dan perlindungan daripada negeri China.

Hubungan Melaka dengan Siam;

1. Bermula dengan hubungan diplomatik.
2. Hantar Tun Telanai & Menteri Jana Putera ke Siam
3. Siam membekalkan kayu jati, beras dan bahan makanan ke Melaka.

Hubungan Melaka dgn Ryukyu (Jepun)

1. Bentuk perdagangan dan diplomatik.
2. Sultan Mansor Shah pernah mengirim surat kepada raja Ryukyu memberitahu tentang tingkah laku pedagang Ryukyu yang melanggar undang-undang Melaka.
3. Raja Ryukyu membalas surat tersebut.
4. Raja Ryukyu menyanjung kedaulatan, peraturan dan undang-undang Melaka.

Hubungan Melaka dengan Gujerat

1. bentuk perdagangan
2. Pedagang Gujerat bekalkan kain
3. Rempah dari Kepulauan Melayu dibekalkan oleh Melaka.
4. Pedagang Gujerat sebarkan agama Islam ke Melaka

Hubungan Melaka dengan Tanah Arab

1. bentuk perdagangan.
2. Pedagang Arab membeli emas dan rempah dari Kepulauan Melayu melalui Melaka.
3. Mereka membeli teh dan sutera dari China yang terdapat di Melaka.
4. Pedagang China mengembangkan agama Islam di Melaka.

(4) Pusat pengembangan agama Islam

a) Kedatangan agama Islam

1. Abad ke-9, Kedah menerima agama Islam. Bukti - penemuan batu nisan di Tanjung Ingeris, Kedah.
2. Abad ke-13, agama Islam di Terengganu. Bukti - batu bersurat di Kuala Berang
3. Abad ke-15, agama Islam di Melaka apabila Megat Iskandar Shah memeluk agama Islam

b) Cara kedatangan agama Islam ke Melaka

1. Megat Iskandar Shah kahwini puteri raja Pasai yang telah memeluk agama Islam.
2. Menurut Hikayat Raja-raja Pasai dan Bustanus Salatin, Islam disebarkan ke Melaka melalui mubaligh Arab (Syeikh Abdul Aziz dari Makkah)
3. Syeikh Abdul Aziz mengislamkan Raja Sri Maharaja, pembesar dan rakyat Melaka.
4. Pedagang Islam dari Arab dan India berniaga dan berdakwah di Melaka
5. Sifat agama Islam – toleransi, adil dan rasional

c) Faktor-faktor Melaka menjadi pusat penyebaran dan pengajaran agama Islam

1. Pertemuan ulama dari Arab dan Pasai.
2. Ulama menjadi guru yang mengajar ilmu agama kepada sultan, pembesar dan rakyat
3. Pendakwah tempatan keluar dari Melaka untuk menyebarkan Islam ke tempat lain.
4. Pendakwah disediakan tempat tinggal
5. Sultan Melaka menerima baik agama Islam - diikuti oleh pembesar dan rakyat jelata
6. Sultan Mansor Shah hantar Tun Bija Wangsa ke Pasai untuk bertanyakan hal agama.
7. Sultan Muzaffar Shah wujudkan masjid, madrasah dan surau
8. Tempat pusat pengajian ilmu tasawuf.
9. Ahli tasawuf terkenal - Abdul Karim al-Jili - mengarang kitab *Insan al-Kamil*.
10. Istana Melaka - tempat menterjemah, menyimpan kitab agama dan perpustakaan
11. Kitab terjemahan - Hikayat Amir Hamzah dan Hikayat Muhammad Ali Hanapiah.
12. Sultan Melaka menerapkan musyawarah dalam pentadbiran.

d) Cara Melaka menyebarkan agama Islam

1. Pedagang asing di Melaka memeluk agama Islam. Apabila pulang, sebarkan Islam di tempat asal mereka.
2. Tentera upahan dari Jawa memeluk agama Islam & sebarkan Islam di tempat asal
3. Menyebarkan Islam ke wilayah jajahannya.
4. Raja negeri jajahan memeluk agama Islam
 - i. jamin keselamatan
 - ii. tanda taat setia kepada sultan Melaka.

5. Mubaligh, ulama & ahli sufi sebarkan Islam ke Jawa, Kalimantan dan selatan Filipina.
6. Berdakwah secara berhemah
7. Perkahwinan politik - Perkahwinan puteri Sultan Mansor Shah dgn putera Raja Siak - agama Islam ke Siak.
8. Sultan Alauddin Riayat Shah hantar ahli agama mengajar ilmu agama kepada raja dari Pahang, Kampar dan Inderagiri.

e) Kesan kedatangan agama Islam

1. Institusi kesultanan gantikan sistem beraja.
2. Konsep devaraja dimansuhkan.
3. Raja bergelar sultan
4. **Sultan Muhammad Shah** - raja Melaka pertama menggunakan gelaran sultan.
5. Ulama menasihati sultan dalam hal pemerintahan agar memerintah dengan adil.
6. Undang-undang fikah pengaruhi Hukum Kanun Melaka & Undang-undang Laut
7. Masjid & madrasah - pengajian agama Islam.
8. Pengajian al-Quran - asas sistem pendidikan
9. Bahasa Melayu - bahasa lingua franca.
10. Tulisan jawi diperkenalkan
11. Agama Islam pengaruhi budaya masyarakat
12. Pengaruh pada bidang seni
13. Tulisan khat dan ukiran corak bunga dan geometri serta ayat-ayat al-Quran dan hadis digunakan dalam ukiran dan penulisan.
14. Amalan masyarakat dipengaruhi unsur Islam
 - i. upacara khatam al-Quran
 - ii. majlis kesyukuran
 - iii. kenduri arwah.

(5) Pusat kegiatan ilmu

a) Istana - pusat kegiatan intelektual

1. Tempat berkumpulnya cerdik pandai
2. Tugas jurutulis
 - i. mengarang surat rasmi raja
 - ii. menggubal perjanjian
 - iii. menjadi guru kepada anak-anak raja.
3. Tugas pengarang
 - i. mengarang sejarah
 - ii. menghasilkan pelbagai jenis kesusasteraan
 - iii. menyusun salasilah raja
 - iv. mencatat diari istana.
4. Tugas ulama
 - i. menulis kitab
 - ii. menterjemah kitab agama Islam.
5. Golongan cerdik pandai kuasai bahasa asing
6. Kegiatan menterjemah dan menyadur karya sastera Arab dan Parsi dilakukan di istana
7. Contoh Karya sastera terjemahan
 - i. Hikayat Amir Hamzah
 - ii. Hikayat Muhammad Ali Hanapiah
 - iii. Hikayat Iskandar Zulkarnain
 - iv. Hikayat Hang Tuah
 - v. Hikayat Bayan Budiman

8. Antara karya sastera saduran
 - i. Hikayat Bulan Belah
 - ii. Hikayat Nabi Bercukur
 - iii. Hikayat Bakhtiar
 - iv. Hikayat Nabi Wafat
 - v. Hikayat Nabi Yusof.
9. Karya bersifat didaktik iaitu memberi pengajaran.
10. Karya-karya – perantaraan penyebaran
11. Karya undang-undang - Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka.
12. Hukum Kanun Melaka
 - i. digubal ketika Sultan Muhammad Shah
 - ii. dilengkapkan - Sultan Muzaffar Shah
 - iii. disusun semula - Sultan Mahmud Shah.
13. Istana Melaka - tempat simpan buku penulis tempatan dan penulis asing.
14. Istana Melaka - tempat perbincangan dan perdebatan alim ulama mengenai hal agama seperti membahaskan kitab Darul Manzum
15. Bahasa Melayu – bahasa ilmu pengetahuan, persuratan dan perantaraan
16. Tulisan jawi menggunakan huruf Arab

(6) Perluasan Kuasa

a) Cara-cara perluasan kuasa Melaka.

1. Penaklukan ke atas Kampar dan Pahang.
2. Jamin keselamatan, kemakmuran dan keutuhan kerajaan Melaka.
3. Penaklukan berjaya
 - i. kebijaksanaan sultan mengatur strategi
 - ii. bantuan askar Melaka yang berani.
4. Pemerintah yang rela bernaung di bawah kerajaan Melaka seperti Jambi dan Lingga.
5. Raja-raja di bawah naungan Melaka ditabalkan oleh sultan Melaka.
6. Perluasan kuasa melalui perkahwinan politik
7. Melaka bantu Sultan Zainal Abidin dari Pasai hadapi masalah pertelingkahan takhta.
8. Melaka bantu Pasai kalahkan kerajaan Aru

b) Kebijaksanaan pemimpin

Sultan Muzaffar Shah

1. Kuasai Pahang, Inderagiri dan Kampar.
2. Hantar Tun Perak menghadapi serangan Siam (musuh Melaka).
3. Jalin hubungan diplomatik dengan China.
4. Selesaikan masalah perbalahan antara orang Melayu dan orang India-Muslim di istana

Sultan Mansur Shah

1. Kuasai Bernam dan Perak serta Siak
2. Halang Pahang, Inderagiri dan Kampar drp membebaskan diri daripada Melaka.

Sultan Alauddin Riayat Shah

1. Seorang yang warak dan gagah.

2. Pentingkan pentadbiran
3. Pentingkan keamanan negara.
4. Menyamar sebagai rakyat biasa
5. Tumpuan kepada perluasan kuasa.
6. Bijak memilih hulubalang. Laksamana Hang Tuah berperang dengan Aru. .

Bendahara Tun Perak

1. Pembesar berwibawa.
2. Halang serangan Siam ketika menjadi penghulu Klang.
3. Arahkan pengikut membawa keluarga - menaikkan semangat tentera mempertahankan Melaka.
4. Ketika menjadi Bendahara, Siam sekali lagi menyerang Melaka.
5. Arahkan askarnya menggunakan perahu kecil sebagai muslihat perang.
6. ikat jamung (suluh api) di pokok bakau. Tentera Siam sangka tentera Melaka ramai.
7. Kuasai Pahang yang berada di bawah penguasaan Melaka.
8. Setia kepada Sultan Melaka. Apabila anaknya Tun Besar dibunuh oleh putera Sultan Mansor Shah iaitu Raja Muhammad, beliau tidak menuntut bela.
9. Minta Sultan Mansor Shah tidak melantik Raja Muhammad - tapi dihantar ke Pahang menjadi raja.

c) Kesan perluasan kuasa ke atas kerajaan Melaka

1. Terima ufti dlm bentuk wang, barangan dan ketenteraan.
2. Klang, Bernam, Perak dan Jugra memberi ufti - 40 ribu calains (wang timah)
3. Kampar, Inderagiri dan Pahang - 40 kati emas setahun.
4. Rokan, Lingga, Rupal dan Tunggal memberi ufti - 40 buah perahu dan lancara bersama hulubalang.
5. Bekalan barangan diperoleh daripada negeri jajahan dan naungan Melaka.
6. kembangkan agama ke kawasan taklukan
7. Membentuk empayar yang luas (penyambung keagungan kerajaan Srivijaya)
9. Sebab kejayaan Melaka
 - i. pemimpin yang bijak
 - ii. pemimpin yang berwawasan
 - iii. sokongan rakyat
 - iv. tentera yang gagah dan setia

(7) Rumusan

1. Berbangga dengan kejayaan Melaka.
2. Usaha pemimpin bawa kegemilangan Melaka

SEJARAH TINGKATAN SATU
BAB 6 : KEMEROSOTAN MELAKA

(1) Faktor kemerosotan Melaka

a) Kelemahan dan kepemimpinan

1. Selepas kematian Bendahara Tun Perak, diganti oleh Bendahara Tun Mutahir.
2. Tun Mutahir bersikap pilih kasih
3. Timbul perasaan iri hati pembesar lain terhadap Bendahara Tun Mutahir.
4. Tun Mutahir difitnah cuba mengatasi kekayaan sultan Melaka.
5. Sultan Mahmud Shah jatuhkan hukum bunuh terhadap Tun Mutahir dan ahli keluarganya tanpa usul periksa.
6. Selepas sultan menyedari kesilapannya, baginda serahkan pemerintahan negeri kepada puteranya Raja Ahmad sebagai sultan Melaka.
7. Sultan Ahmad Shah pemerintah lemah dan tidak cekap.
8. Bendahara Tun Perpatih Putih yang gantikan Tun Mutahir – uzur/sakit
9. Pentadbiran lemah kerana
 - i. tiada pemimpin berwibawa
 - ii. berlaku rasuah
 - iii. fitnah berleluasa.
10. Sistem cukai sedia ada tidak diamalkan, - kadar cukai yang tinggi dikenakan.
11. Kesannya pedagang memilih pelabuhan lain seperti Aceh, Bantam, Patani dan Brunei.

b) Masalah perpaduan

1. Perlantikan Tun Mutahir sebagai bendahara Melaka menimbulkan semula persaingan orang Melayu dengan orang India Muslim.
2. Persaingan berlaku kerana amalan pilih kasih dalam pentadbiran.
3. Perebutan pengaruh wujud antara Laksamana Khoja Hassan dengan Tun Mutahir (keturunan India Muslim).
4. Raja Mendeliar memfitnah Tun Mutahir yang dikatakan cuba mengatasi kekayaan sultan.
5. Akibatnya sultan membunuh Tun Mutahir dan keluarganya tanpa usul periksa.
6. Rakyat Melaka berpecah belah,
7. Perdagangan Melaka merosot.
8. Keutuhan kerajaan terjejas.

c) Kelemahan askar Melaka

1. Askar Melaka menggunakan senjata tradisional seperti
 - i. keris, tombak
 - ii. panah
 - iii. perisai

iv. sumpit beracun.

2. Askar Melaka mempunyai senjata seperti senapang dan meriam.
3. Senjata Portugis lebih baik, contohnya meriam Portugis boleh menembak dari jarak yang lebih jauh lagi.
4. Angkatan perang Melaka didapati tidak mempunyai struktur yang lengkap
5. Angkatan perang Portugis dipimpin oleh Alfonso de Albuquerque yang dilantik oleh Raja Portugal untuk menentuai serangan.
6. Askar Portugis lebih terlatih dan mendapat sokongan dari pangkalan tentera mereka di Goa, India.
7. Askar upahan Melaka dari Jawa melarikan diri ketika Portugis menyerang Melaka

(2) Kedatangan Portugis

a) Sebab kedatangan.

1. Sebab Portugis ke Timur ialah Gospel (agama), Gold (ekonomi) dan Glory (politik).
2. Putera Henry mendorong pelayar dan orang Portugis belayar ke Timur.
3. Portugis menemui jalan laut ke Timur.
4. Bartholomew Diaz berjaya sampai ke Tanjung Harapan di selatan Afrika.
5. Vasco da Gama sampai di India
6. Lopez de Squeira tiba di Melaka.
7. Portugis ingin meneruskan Perang Salib.
8. Menghancurkan kerajaan Islam di Timur termasuk Melaka yang menjadi pusat perkembangan dan penyebaran Islam.
9. Ingin menyebarkan gama Kristian di Timur
10. Ingin menguasai perdagangan rempah yang dikuasai oleh pedagang Islam.
11. Pedagang Islam yang mendapat bekalan rempah daripada pelabuhan Melaka menjual dengan harga yang tinggi di Eropah.
12. Pada pandangan Portugis, jika menguasai Selat Melaka mereka akan mendapat keuntungan yang lumayan.
13. Rempah ratus diperlukan di Eropah untuk
 - i. mengawet makanan
 - ii. menyedapkan makanan seperti daging
 - iii. memanaskan badan.

b) Portugis menguasai Melaka.

1. Lopez de Sequeira dan angkatanannya dihantar oleh Raja Portugal ke Melaka untuk memulakan hubungan
2. Kedatangan mereka mulanya disambut baik oleh Sultan Mahmud Shah.
3. Dibenarkan berniaga di Melaka dan dijamin keselamatan mereka oleh sultan Melaka.
4. Pedagang Islam dari Jawa dan Gujerat mendapat maklumat bahawa kedatangan Portugis untuk menguasai perdagangan dan menentang Islam.
5. Perkara ini disampaikan kepada Bendahara Tun Mutahir.
6. Tun Mutahir menasihatkan sultan agar menangkap orang Portugis termasuk pegawai kanan mereka Ruy de Araujo.
7. Beberapa orang Portugis yang ditangkap mati dibunuh.
8. Lopez de Sequeira dan beberapa pengikutnya berjaya lari ke Goa.
9. Raja Portugal hantar angkatan laut pimpinan Alfonso de Albuquerque untuk menyerang Melaka.
10. Alfonso menuntut
 - i. pembebasan tawanan Portugal
 - ii. menuntut ganti rugi
 - iii. meminta mendirikan kubu di Melaka.
11. Sultan Mahmud menolak tuntutan Alfonso
12. Alfonso bertindak menyerang Melaka.
13. Serangan pertama Alfonso - jambatan Sungai Melaka dikuasai.
14. Kejayaan Alfonso kerana Si Kitol memberi maklumat tentang kekuatan pertahanan Melaka kepada Portugis.
15. Melaka yang diketuai oleh Sultan Ahmad Shah melancarkan serangan balas sehingga askar Portugis terpaksa berundur.
16. Semangat perjuangan askar Melaka membara apabila mendengar kisah Hikayat Muhammad Ali Hanafiah.
17. Dalam serangan kedua - Alfonso berjaya menguasai Melaka.
18. Sultan Ahmad Shah, Sultan Mahmud Shah bersama keluarga, pembesar dan rakyat berundur ke Muar.
19. Kemudiannya berundur ke Pahang
20. Seterusnya ke Bentan.
21. Di Bentan, Sultan Mahmud Shah mendirikan sebuah kerajaan baru selepas kemangkatan anaknya Sultan Ahmad Shah.

(3) Rumusan

1. Usaha mempertahankan kedaulatan bangsa ditunjukkan oleh Sultan Mahmud Shah, Sultan Ahmad Shah serta rakyat Melaka harus disanjung.
2. Kita harus mengambil iktibar daripada kejatuhan Melaka di tangan Portugis supaya peristiwa pahit tidak akan berulang lagi.

SEJARAH TINGKATAN SATU
BAB 7 : JOHOR MENEGAKKAN
SEMULA KEWIBAWAAN
KESULTANAN MELAYU
MELAKA

(1) Usaha-usaha menegakkan semula Melaka

1. Melaka dikuasai oleh Portugis --- Sultan Mahmud Shah, pembesar serta pengikutnya termasuk Orang Laut ke Pagoh.
2. Bina kubu pertahanan di Bentayan, Muar.
3. Baginda bersemayam sementara di Pahang.
4. Baginda ke Pulau Bentan.
5. Di Bentan - kumpul tentera dengan bantuan penduduk jajahan takluk.
6. Maharaja Lingga, raja Inderagiri, raja Siak dan Sultan Aru (Deli) menghadap Sultan Mahmud Shah di Bentan.
7. Wakil kerajaan Manjung dan Beruas, pemerintah Kampar, Klang, Rembau dan Sg Ujong menyatakan taat setia kpd baginda.
8. Tahun 1521, Portugis menyerang Bentan.
9. Serang-menyerang Melaka dan Bentan.
10. Sultan Mahmud Shah berundur di Kampar (jajahan takluk Melaka)
11. Mangkat di Kampar

(2) Pengawasan kerajaan Johor

a) Penerusan warisan Melaka

1. Putera Sultan Mahmud Shah (Raja Ali) jadi sultan gelaran Sul Alauddin Riayat Shah II.
2. Dikenali Raja Ujong Tanah & Bentan,
3. Ujong Tanah dikenali sebagai Johor
4. Sultan Alauddin Riayat Shah II asaskan kerajaan di Tanah Besar Johor
5. Bendahara dan Seri Nara Diraja ditugaskan bangunkan pentadbiran kerajaan Johor di Pekan Tua.
6. Kota pertahanan dikenali Kota Kara dibina bagi menjaga keselamatan ibu negeri Johor
7. Jajahan takluk Melaka dijadikan jajahan takluk Johor untuk memperkukuhkan lagi kuasa baginda sultan.
8. Sultan Johor mengawal hal ehwal Pahang.
9. Sultan Pahang yang baru biasanya akan ditentukan oleh sultan Johor.
10. Johor menguasai Aru.
11. Laksamana Tun Abdul Jamil perkukuhkan kuasa Johor ke atas jajahan takluknya.
12. Beliau menempatkan wakilnya di
 - i. Bengkalis
 - ii. Kampar
 - iii. Jambi
 - iv. Siak
 - v. Rokan.

13. Jajahan takluk Johor hantar askar menyertai angkatan tentera Johor apabila diperlukan.
14. Negeri yang dikawal oleh Johor membekalkan barangan eksport ke Johor .
15. Klang bekalkan bijih timah, kayu gaharu dan gading gajah.
16. Kerajaan Johor sering diancam oleh kuasa luar seperti Portugis, Aceh dan Jambi.
17. Sebagai langkah mempertahankan diri, Johor sentiasa ubah pusat pentadbirannya.

(b) Usaha Johor menguasai Melaka

1. Pemerintah Johor, pembesar dan rakyat tidak berputus asa menawan semula Melaka.
2. Usaha terbesar dijalankan pada tahun 1551.
3. Angkatan perang Johor bergabung dengan angkatan perang Perak, Pahang dan Japara(Jawa) untuk menyerang Melaka.
4. Serangan gagal sebab
 - i. kekebalan kota Melaka
 - ii. persenjataan Portugis yang lebih baik
5. Serangan angkatan Johor berterusan
6. Pembesar Johor yang usaha menawan semula Melaka
 - i. Tun Sri Lanang
 - ii. Laksamana Tun Abdul Jamil
7. Gabungan Johor dengan Belanda berjaya mengalahkan Portugis pada tahun 1641.
8. Laksamana Tun Abdul Jamil mengepung Melaka dari darat.
9. Belanda menyerang Melaka dari Laut.
10. Setelah Portugis dikalahkan, Belanda menduduki Melaka.

c) Kebangkitan Aceh

1. Selepas Melaka dijajah Portugis, pedagang dari Benggala, Sri Lanka, Pegu dan Turki beralih ke Aceh.
2. kerana dasar perdagangan Portugis yang ingin menghapuskan monopoli perdagangan di kalangan pedagang asing.
3. Portugis kenakan peraturan dan sekatan perdagangan yang ketat.
4. Kenakan cukai yang tinggi ke atas pedagang asing.
5. Ketika Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Aceh jadi kuasa kuat kerana menguasai perdagangan Selat Melaka.
6. Beliau berazam kuasai Tanah Melayu.
7. Aceh serang Perak, Pahang dan Kedah.
8. Setelah menawan Pahang, Aceh berperanan menentukan bakal sultan Johor.
9. Aceh menawan Pedir dan Pasai.
10. Penaklukan tersebut membolehkan Aceh menguasai perdagangan lada hitam yang diperlukan oleh pedagang asing.

d) Persaingan antara Johor dengan Aceh dan Portugis

1. Johor, Aceh, Portugis bersaing menguasai jalan perdagangan di Selat Melaka.
2. Perang selama 100 tahun - dikenali sebagai Perang Tiga Segi.
3. Johor & Aceh – usir Portugis dari Melaka.
4. Johor menyerang Melaka - ingin merampas semula Melaka daripada Portugis.
5. Aceh menyerang Melaka kerana Portugis menghalang perdagangan Aceh.
6. Aceh menyerang Johor kerana Johor mengancam perdagangan Aceh
7. Portugis menyerang Johor kerana menganggap Johor berpakat dengan Aceh untuk menyerang Melaka.

(3) Faktor kegemilangan kerajaan Johor

a) Jajahan takluk Johor dan kecekapan pentadbiran

1. Jajahan takluk Johor meliputi wilayah pantai barat Semenanjung Tanah Melayu iaitu dari Klang hingga Singapura.
2. Johor menguasai
 - i. Klang
 - ii. Batu Pahat
 - iii. Muar
 - iv. Pahang
 - v. Bentan
 - vi. Lingga
 - vii. Bangkalis
 - viii. Kampar
 - ix. Siak
3. Faktor kegemilangan Johor.
 - i. Kecekapan sultan
 - ii. Kecekapan pembesar
 - iii. Kemajuan dalam kegiatan perdagangan
 - iv. Perkembangan bidang persuratan

b) Johor sebagai Pusat Perdagangan

1. Johor dapat kumpulkan hasil dagangan kerana mempunyai jajahan takluk yang luas.
2. Johor - pelabuhan entrepot bagi Kepulauan Melayu.
3. Kapal dagang Johor berdagang hingga ke Maluku dan Makasar.
4. Ramai pedagang asing datang ke Johor spt pedagang China dari Canton dan Amoy.
5. Kapal dagang barat turut ke pelabuhan Johor seperti kapal dagang Belanda dan Inggeris.
6. Ketika Sultan Mahmud Shah II pusat pentadbiran dan pelabuhan Johor telah berpindah dari Batu Sawar ke Riau.
7. Barangan tempatan yang diperdagangkan termasuklah damar, tikar, bijih timah, sagu,

minyak, lada hitam, pinang, ikan masin, garam, kayu gaharu dan beras

8. Johor sebagai pembekal kain corak baru
9. Barangan luar negeri yang didagangkan seperti benang emas, kain sutera putih, teh, tembikar dan tembaga dari China.
10. Pelabuhan Johor mempunyai kemudahan seperti gudang dan khidmat membaiki kapal.
11. Perdagangan dijalankan melalui
 - i. cara tukar barang
 - ii. mata wang.
12. Mata wang emas dikenali sebagai **mas**
13. Mata wang perak dikenali sebagai **kupang**
14. Mata wang timah dikenali sebagai **katun**.
15. Mata wang diperkenalkan ketika Sultan Alauddin Riayat Shah II.
16. Mata wang asing digunakan di pelabuhan Johor seperti
 - i. Dolar Sepanyol
 - ii. Dolar Mexico
 - iii. duit Belanda.
17. Johor cekap mentadbir pelabuhannya dan mengamalkan cukai yang berpatutan.
18. Setiap bahara lada hitam - dikenakan cukai sebanyak enam keping emas.
19. Setiap bahara timah - cukainya sepuluh keping emas.
20. Keselamatan pedagang asing, **sistem naungan** diamalkan.
21. Setiap pedagang asing akan dilindungi oleh
 - i. Bendahara
 - ii. Raja Indera Bongsu
 - iii. Temenggung
 - iv. Laksamana.
22. Keselamatan pedagang dan kapal dibantu oleh Orang Laut.
23. Orang Laut menjadi
 - i. pengawal pelabuhan
 - ii. pengawas perairan Johor
 - iii. Penunda
 - iv. penunjuk arah kepada pedagang.
24. Keistimewaan pelabuhan Johor
 - i. terlindung daripada tiupan angin monsun.
 - ii. jadi pintu masuk di selatan Selat Melaka
 - iii. kawal lalu lintas kapal dagang dari Barat dan Timur.
 - iv. menjadi pusat membina kapal persisiran pantai seperti banteng, baluk, kolek, pencalang dan pencacap.

c) Perkembangan persuratan Melayu.

1. Johor dikenali pusat persuratan Melayu
2. Tun Sri Lanang susun buku sejarah Melayu
3. Hikayat Hang Tuah mengisahkan kepahlawanan orang Melayu melalui watak Hang Tuah dan empat orang rakannya.

4. Hikayat Hang Tuah mengisahkan tentang keagungan Kesultanan Melayu Melaka
5. Riau menghasilkan banyak karya sejarah, bahasa dan buku agama Islam.
6. Pengarang terkenal
 - i. Raja Haji Ahmad
 - ii. Raja Ali Haji.
7. Naskah asal yang dihasilkan oleh penulis adalah dalam tulisan jawi bertulis tangan.
8. Kemudian dicetak -guna kaedah cap batu.
9. Johor terkenal pusat pengajian ilmu agama Islam ketika Makam Tauhid menjadi pusat pemerintahan Johor.
10. Tradisi ini diteruskan hingga ke Riau.
11. Di antara karya yang dihasilkan
 - i. Tuhfat al Nafis
 - ii. Salsilah Melayu dan Bugis dan Sekelian Rajarajanya,
 - iii. Hikayat Johor serta Pahang,
 - iv. Peringatan Sejarah Negeri Johor,
 - v. Aturan Setia Bugis dan Melayu,
 - vi. Syair Sultan Mahmud Lingga,
 - vii. Kitab Pengetahuan Bahasa
 - viii. Bustanul Katibin Lissubyanil-mutaalimi.

(4) Kemerosotan kerajaan Johor

a) Perang Johor-Jambi

1. Jambi di pantai timur Sumatera adalah jajahan Johor.
2. Abad 17, Jambi muncul sebagai kuasa politik dan ekonomi yang baru di Selat Melaka.
3. Jambi menyaingi Johor dalam perdagangan.
4. Jambi cuba dapatkan kebebasan daripada Johor.
5. Jambi meminta bantuan Belanda untuk menyerang Johor.
6. Jambi menyerang Johor lama dan Batu Sawar.
7. Perang menjejaskan perdagangan Johor.
8. Sultan Alauddin Riayat Shah III berundur dan bersemayam di Pahang.
9. Keadaan Johor yang tidak selamat menyebabkan jajahan takluk Johor membebaskan diri daripada pengaruh Johor.
10. Laksamana Tun Abdul Jamil mengalahkan Jambi dengan bantuan askar upahan Bugis.
11. Kejayaan menyebabkan beliau dianugerahi gelaran **Paduka Raja**.
12. Beliau sangat berkuasa sehingga melantik anak-anaknya untuk memegang jawatan kanan dalam kerajaan seperti Temenggung, Sri Bija Diraja dan Sri Amar Diraja.

b) Perebutan kuasa.

1. Laksamana Tun Abdul Jamil - pembesar berpengaruh di Johor.
2. Laksamana Tun Abdul Jamil ambil alih tugas Bendahara sebagai pelantik dan pemangku raja.
3. Laksamana Tun Abdul Jamil lantik menantunya menjadi sultan Johor dengan gelaran Sultan Ibrahim Shah.
4. Beliau tidak disenangi oleh Bendahara Tun Habib Abdul Majid (pembesar Johor paling kanan).
5. Laksamana Tun Abdul Jamil melantik cucunya Sultan Mahmud Shah II yang berusia 10 tahun menjadi sultan Johor.
6. Anak beliau iaitu bekas permaisuri Sultan Ibrahim dilantik menjadi pemangku raja
7. Bendahara Tun Habib Abdul Majid yang sepatutnya menjalankan tugas sultan berasa tidak puas hati.
8. Persengketaan antara kedua-dua pembesar menjejaskan kestabilan politik Johor.
9. Apabila Laksamana Tun Abdul Jamil meninggal dunia, Bendahara Tun Habib Abdul Majid mendapatkan semula kuasanya
10. Selepas Bendahara Tun Habib Abdul Majid meninggal dunia, anaknya Tun Abdul Jalil menggantikan tempatnya sebagai bendahara

c) Perebutan takhta

1. Sultan Mahmud Shah II sultan yang zalim
2. Baginda dibunuh oleh pembesarnya.
3. Peristiwa pembunuhan dikenali 'Sultan Mahmud Mangkat Dijulang'.
4. Baginda tidak meninggalkan zuriat,
5. Bendahara Tun Abdul Jalil dilantik menjadi sultan Johor bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV.
6. Perlantikan memulakan kesultanan Johor keturunan bendahara.
7. Raja Kechil dari Siak tidak berpuas hati kerana mendakwa dirinya anak Sultan Mahmud Shah II.
8. Raja Kechil menyerang Johor dengan bantuan tentera Minangkabau.
9. Orang Laut mempercayai dakwaan Raja Kechil dan menyokongnya sebagai bukti taat setia kepada kesultanan Johor keturunan sultan Melaka.
10. Raja Kechil mengisytiharkan dirinya sebagai sultan Johor dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah.

d) Penglibatan Bugis di Johor

1. Apabila Makasar dikuasai Belanda, ramai orang Bugis diusir
2. lima orang anak raja Bugis bersaudara
 - i. Daeng Perani,
 - ii. Daeng Menambun
 - iii. Daeng Merewah,
 - iv. Daeng Chelak
 - v. Daeng Kemasi
3. Mereka menjadi tentera upahan yang berani.
4. Raja Sulaiman (putera Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV) berpakat dgn anak raja Bugis bersaudara utk mengusir Raja Kechil.
5. Raja Kechil berjaya dikalahkan
6. Raja Sulaiman jadi sultan Johor yang baru.
7. Daeng Merewah bergelar Kelana Jaya Putera dilantik jadi Yamtuan Muda Riau.
8. Daeng Menampok dikurniakan gelaran Raja Tua.
9. Pakatan Melayu Johor dan Bugis tidak bertahan lama kerana Bugis terus inginkan hak melantik sultan Johor mengikut pilihan mereka.
10. Orang Melayu merasakan kuasa sultan dan pembesar Melayu semakin lemah.
11. Bugis kukuhkan kuasanya dgn menggalakkan perkahwinan antara anak Bugis dengan anak raja dan anak pembesar Melayu.
12. Anak-anak mereka guna gelaran raja seperti Raja Haji, Raja Ali dan Raja Jaafar.
13. Pembesar Melayu bertindak meminta bantuan Belanda untuk mengusir Bugis daripada Riau pada tahun 1784
14. Memberi peluang kepada pembesar Melayu untuk kembali menguasai pemerintahan.
15. Tahun 1802, persaingan Melayu dan Bugis berlaku kembali apabila orang Bugis kembali ke Riau.
16. Riau dikuasai oleh Bugis.
17. Temenggung Johor bertapak di Pulau Bulang dan menguasai Singapura dan Tanah Besar Johor.
18. Bendahara Johor bertapak di Pahang.
19. Sultan Johor bersemayam di Lingga.
20. Orang Laut berpecah dan mengikut pembesar Melayu.
21. Orang Laut yang taat kepada kesultanan Melayu menjauhkan diri daripada sultan dan pembesar.
22. Membawa kepada perpecahan dalam kerajaan Johor.

e) Pengaruh Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC)

1. Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC) bertapak di Betawi, Jawa.
2. VOC memulakan hubungan perdagangan di pelabuhan Batu Sawar
3. VOC bimbang dengan penguasaan Bugis di Johor mengancam kedudukannya di Melaka.
4. Belanda dan Bugis berperang beberapa kali di Teluk Ketapang dan Riau.
5. Belanda mengalahkan Bugis
6. Belanda melantik David Ruhde menjadi gabenor Belanda di Riau.
7. VOC bertindak mengusir orang Bugis.
8. Persengketaan Belanda dan Bugis memberi kesan buruk kepada kerajaan Johor.
9. Belanda yang berada di Betawi dan Melaka mencari peluang menguasai Johor.
10. Apabila Belanda berjaya menguasai Riau, Belanda menghapuskan jawatan sultan dan Yamtuan Muda.

(5) Rumusan

1. Johor menjadi lemah dan berpecah
2. Perebutan kuasa antara pembesar menimbulkan kacau-bilau
3. Campur tangan kuasa luar dalam pemerintahan Johor menimbulkan pelbagai masalah sehingga kejatuhan kerajaan Johor.

BAB 8 : KERAJAAN NEGERI-NEGERI MELAYU

(1) Kerajaan Melayu yang tua

- kerajaan yang wujud sebelum zaman Kesultanan Melayu Melaka seperti Kedah, Pahang dan Perak

a) Kedah

1. Asal usul nama Kedah
 - i. Orang Cina panggil Kedah - Cheh-Cha.
 - ii. Pedagang India - Kedah sebagai Kataha, Kalagam atau Kadaram
 - iii. Pedagang Arab - Kedah sebagai Kalah atau Kalah Bar.
 - iv. Orang Siam - daratan Kedah sebagai Sai.
2. Menurut Hikayat Merong Mahawangsa,
 - i. Kedah wujud pada abad ke-7.
 - ii. Raja Kedah pertama - Merong Mahawangsa memeluk Islam
 - iii. guna nama Sultan Muzaffar Shah.
3. Menurut Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah,
 - i. Maharaja Derba Raja memeluk Islam
 - ii. Guna nama Sultan Muzaffar Shah.
4. Sultan Muzaffar Shah bahagi Kedah kepada tiga pusat pentadbiran
 - i. Kota Palas
 - ii. Langkawi
 - iii. Kota Ulu.
5. Kota Setar jadi pusat pentadbiran yang baru
6. Perlis pada asalnya ialah wilayah Kedah.
 - i. mewujudkan pemerintahan sendiri
 - ii. Raja Perlis 1- Sultan Husain Jamalulail.
7. Kedudukan Kedah strategik menarik minat pedagang dari Arab, Parsi, India, Sri Lanka, China dan Barat.
8. Kedah hadapi cabaran kuasa luar.
9. Kedah bersahabat dengan Siam.
10. Kedah hantar bunga emas ke Siam
11. Apabila Kedah diserang Aceh, sultan Kedah berundur ke Perlis dan meminta bantuan Siam.
12. Apabila kerajaan Siam di Ayuthia ditawan Burma, Kedah menjalin persahabatan dgn Burma.
13. Pada kurun ke-18, politik Kedah tidak stabil.
14. Kedah diancam oleh Siam
15. Berlaku perebutan takhta
16. Kedah minta bantuan Inggeris bagi menghadapi ancaman Siam.
17. Hubungan baik Inggeris dan Kedah menyebabkan Siam menyerang Kedah.
18. Sultan Kedah, pembesar dan pengikutnya berundur ke Pulau Pinang.
19. Kedah menyerang balas Siam di Kedah dan memerdekakan Kedah.
20. Hubungan Kedah dan Siam mula baik.
21. Kedah terkenal sebuah pelabuhan entreport.
22. Kedah amalkan Undang-undang Laut Melaka
23. Pengenalan sistem sukat dan mata wang memudahkan perdagangan.

25. Permuafakatan dengan negara jiran meningkatkan kemajuan dan kemakmuran Negara.

b) Perak

1. Asal-usul nama
 - i. Nama Perak dikaitkan dgn logam perak.
 - ii. Sejarah Perak tulisan A. Halim Nasir - nama Perak sempena nama Sg Perak di Chegar Galah yg terdapat ikan berwarna putih spt perak.
2. Menurut sejarah Melayu dan Salasilah Perak
 - i. Kesultanan Perak diasaskan
 - ii. Tun Saban hadap Sultan Mahmud Shah - memohon putera baginda dirajakan di Perak.
 - iii. Raja Muzaffar putera Sultan Mahmud Shah dihantar ke Perak berserta alat kebesaran negeri iaitu Cura Si Manjakini.
 - iv. Raja Muzaffar ditabalkan sebagai sultan Perak pertama - Sultan Muzaffar Shah.
 - v. Pusat pemerintahan di Tanah Abang.
3. Perak terkenal dgn perdagangan bijih timah sejak zaman kerajaan Beruas dan Manjung.
4. Kekayaan bijih timah menyebabkan kuasa luar ingin menguasai Perak
5. Aceh menawan Perak dan jadinya negeri naungan.
6. Belanda kepung Perak dan memaksa sultan Perak menandatangani perjanjian dengan VOC.
7. Perak bersetuju menjual bijih timah kepada Belanda dalam perjanjian ini.
8. Perjanjian antara Sultan Iskandar Zulkarnain dengan Thomas Acheppers.
9. Ketika Sultan Mansor Shah di Melaka, Bendahara Megat Terawis tentukan sempadan Siam dan Perak.
10. Penentuan sempadan memudahkan pembesar Perak memungut cukai.
11. Cukai daripada lombong bijih timah di Klian Intan (diusahakan oleh orang Reman dari Siam) menjadikan negeri Perak kaya.
12. Siam menyerang Perak beberapa kali.
13. Perak tewas.
14. Perak hantar bunga emas setiap tahun kpd Siam.
15. Perak membenarkan orang Siam membeli bijih timah dengan tidak membayar cukai.
16. Tindakan Siam tidak terhasil apabila British melibatkan diri melalui Perjanjian Low di Perak.
17. Harus berbangga dengan kekayaan hasil bumi negeri Perak.
18. Bersyukur kerana dikurniakan negara yang mempunyai semula jadi yang digunakan untuk kesejahteraan rakyat.

c) Pahang

1. Asal usul nama
 - i. Menurut rekod China, orang Cina mengenali Pahang sebagai Phang atau Pahangh.
 - ii. Penulis China iaitu Chao Ju-Kua mencatatkan Pahang sebagai Pong Fong yang dikatakan bernaung di bawah Palembang.
 - iii. Orang Arab mengenali Pahang sebagai Fahan.

- iv. Menurut cerita tradisi Melayu, nama Pahang diambil sempena nama pokok Mahang yang tumbang merentasi Sungai Pahang di Kampung Kembahang.
 - v. Menurut buku sejarah Melayu, Pahang dikenali sebagai Pura.
2. Ketika Melaka diperintah oleh Sultan Mansor Shah, baginda menabalkan putera baginda iaitu Sultan Muhammad Shah menjadi sultan Pahang.
 3. Bermulanya sultan Pahang berketurunan kesultanan Melaka.
 4. Tahun 1641 hingga 1673, Pahang diperintah oleh Yamtuan Muda Johor iaitu Raja Bajau. Ini menandakan berakhirnya keturunan sultan Melaka memerintah Pahang.
 5. Berlakunya perpecahan kerajaan Johor, - Pahang diletakkan di bawah penguasaan Bendahara Johor.
 6. Bendahara Wan Ahmad merampas kuasa daripada Bendahara Tun Mutahri.
 7. Bendahara Wan Ahmad menjadi sultan Pahang - gelaran Sultan Ahmad al-Muadzam Shah.
 8. Menurut catatan Portugis dan China, Pahang menghasilkan beras, bijih timah dan hasil hutan.
- (2) **Kerajaan Melayu yang baru**
- kerajaan yang wujud selepas zaman Kesultanan Melayu Melaka seperti Terengganu, Kelantan, Selangor dan Negeri Sembilan.
- a) Kelantan**
1. Asal usul nama
 - i. Sejarawan China - Shen-Yau dari Dinasti Tang mencatatkan nama Kelantan sebagai Ho-lo-tan atau Kuo-lo-tan.
 - ii. Menurut Gerini, nama Kelantan berasal dari gabungan perkataan 'kolam' bermaksud tanah dan perkataan 'autam' bermaksud sempadan. Gabungan perkataan itu menjadi Kolantam yang akhirnya menjadi Kelantan.
 2. Kelantan pada asalnya diperintah oleh beberapa orang raja di daerah berasingan.
 3. Apabila Long Yunus menjadi Raja Kelantan, masyarakat Kelantan bersatu.
 4. Raja Long Yunus pindahkan ibu kotanya dari Kota Kubang Labu ke Kota Bharu.
 5. Kelantan hadapi pertikaian dgn sultan Terengganu
 6. Terengganu menyerang Kelantan.
 7. Terengganu dapat bantuan daripada tentera Patani.
 8. Selepas kemangkatan Long Yunus, - digantikan puteranya Long Muhammad.
 9. Long Muhammad menyerang balas dari Ulu Kelantan
 10. Berjaya membebaskan Kelantan daripada pengaruh Terengganu.
 11. Baginda mengisytiharkan dirinya sebagai Sultan Muhammad I.
12. Bagi mengelakkan serangan luar , Sultan Muhammad I menjalin hubungan dengan Siam.
 13. Kelantan hantar bunga emas kepada Siam setiap tiga tahun sekali dan Siam membalasnya dengan memberi hadiah yang berharga.
 14. Kesannya Terengganu tidak lagi bermusuhan dengan Kelantan.
 15. Menurut catatan Rentse, Kelantan terletak di laluan perdagangan antara Timur dan Barat.
 16. Kuala Sg Kelantan menjadi tempat persinggahan pedagang sebelum ke Teluk Siam, Kemboja dan China.
 17. Kelantan mengeluarkan wang emas yang dinamakan dinar dan wang pitis.
 18. Negeri Kelantan dikenali 'Negeri Cik Siti Wan Kembang'.
 19. Perpecahan semasa sendiri akan memudahkan campur tangan kuasa luar.
 20. Perpaduan benteng utama mengelakkan negara kita daripada dijajah oleh kuasa luar.
- b) Terengganu.**
1. Asal-usul nama
 - i. Menurut Sultan Umar - nama Terengganu berasal dari perkataan taring anu, anu merujuk kepada sebutan sebagai harimau.
 - ii. Menurut catatan Cina, Wang Ta Yuan nama Terengganu disebut sebagai Tong Ya Nong dan Teng Ya Nung.
 2. Kerajaan Terengganu muncul apabila Tun Zainal Abidin Paduka Maharaja daripada keluarga Bendahara Pahang dilantik menjadi raja Terengganu
 3. Baginda bergelar Sultan Zainal Abidin I.
 4. Baginda dilantik oleh Sultan Sulaiman (sultan Johor) kerana hubungan persaudaraan dengan sultan Johor.
 5. Zaman kegemilangan Terengganu - semasa pemerintahan Sultan Mansor Shah I (sultan Terengganu ke-2).
 6. Terengganu menjadi pelabuhan pedalaman terpenting di kepulauan Melayu.
 7. Sultan Mansur Shah I melibatkan diri dalam perdagangan.
 8. Baginda turut melantik wakil-wakilnya menjaga urusan perdagangan.
 9. Barang dagangan ialah lada hitam, emas dan bijih timah.
 19. Terengganu jalin hubungan dengan Siam
 20. Hubungan berterusan apabila Siam meminta bantuan Terengganu menyerang Raja Ligor.
 21. Ia dipersetujui oleh Sultan Mansor Shah I.
 22. Sultan Mansor Shah I hantar bunga emas ke Siam sebagai tanda persahabatan.
 23. Siam anggap Terengganu mengakui ketuanan Siam.
 24. Sultan Omar - raja yang berpegang kuat pada ajaran agama Islam
 25. Terengganu - negeri terawal yang menerima agama Islam.

26. Abad ke-13, tembaga purba bertulisan ayat al-Quran ditemui di Terengganu.
27. Prasasti Terengganu bertarikh 702 Hijrah atau 1303 masihi menyebut tentang sepuluh darma atau undang-undang khususnya hukum jenayah Islam ditemui.
28. Pengurusan cemerlang berkait rapat dengan ketegasan dalam menegakkan kedaulatan negara.

c) Selangor

1. Asal usul nama - sempena nama Sungai Selangor.
2. Pada awalnya, pemerintahan berasaskan kampung-kampung kecil yang berajakan kerajaan Melayu Melaka.
3. Ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka, daerah wujud di Selangor seperti Jeram, Klang, Langat dan Selangor (Kuala Selangor).
4. Daerah ini terletak di bawah jajahan kerajaan Melaka.
5. Ketika pemerintahan Sultan Muzaffar Shah Melaka, Tun Perak dilantik sebagai penghulu Klang.
6. Kurun ke-17, orang Bugis mendiami kawasan di Klang dan Kuala Selangor.
7. Klang pada masa itu di bawah kuasa Orang Besar Klang yang bergelar To' Engku Klang (berasal daripada keturunan sultan Johor yang berketurunan Bendahara.)
8. Orang Besar Klang hadiahkan cap mohor kepada Yamtuan Selangor untuk mentadbir kawasan Sungai Selangor.
9. Kurun ke-18, kedudukan Bugis kukuh apabila Raja Lumu ditabalkan oleh Sultan Mahmud (sultan Perak) menjadi sultan Selangor bergelar Sultan Salehuddin Shah.
10. Masa pemerintahan Sultan Ibrahim Shah (pengganti Sultan Salehuddin Shah), Selangor menjadi pengeluar bijih timah.
11. Belanda ingin menakluki Selangor
12. Belanda menyerang Sultan Ibrahim Shah di Kuala Selangor
13. Sultan Ibrahim Shah berundur ke Hulu Langat, Bernam dan Pahang.
14. Dengan bantuan Pahang, Sultan Ibrahim Shah mendapatkan semula Kuala Selangor.
15. Belanda mengepung Kuala Selangor.
16. Sultan Ibrahim meminta bantuan Perak
17. Perak menandatangani perjanjian kerjasama antara Selangor dan Perak.
18. Selepas kemangkatan Sultan Ibrahim Shah, Sultan Muhammad Shah menjadi sultan.
19. Iktibar dari sejarah negeri Selangor – setiap usaha yang dilakukan secara gigih pasti mencapai kejayaan.
20. Permuafakatan dan perundingan perlu diamalkan bagi mencapai matlamat.

d) Negeri Sembilan

1. Asal-usul nama
 - i. Negeri Sembilan terdiri daripada 9 buah daerah atau luak
2. Daerah tersebut ialah
 - i. Sungai Ujong
 - ii. Rembau
 - iii. Jelebu
 - iv. Johol
 - v. Ulu Muar
 - vi. Inas
 - vii. Gunung Pasir
 - viii. Terachi
 - ix. Jempul.
3. Kemajuan Melaka menarik minat orang Minangkabau ke Tanah Melayu.
4. Mereka menetap di Nanning, Sungai Ujong dan Rembau.
5. Mereka menunjukkan taat setia mereka kepada sultan Melaka kerana sultan Melaka berasal dari Melayu-Jambi.
6. Sebelum kedatangan orang Minangkabau, telah wujud empat daerah kepunyaan penduduk asli iaitu
 - i. Sungai Ujong,
 - ii. Klang,
 - iii. Jelebu
 - iv. Johol.
7. Keempat-empat daerah adalah dibawah penguasaan kerajaan Melaka.
8. Selepas kejatuhan Melaka, Bugis mendirikan kesultanan Bugis di Selangor.
9. Peristiwa ini menyebabkan suasana tidak aman berlaku di Negeri Sembilan.
10. Keadaan mendorong penghulu-penghulu di Negeri Sembilan memohon kepada sultan Johor seorang putera raja untuk mentadbir negeri mereka.
11. Johor memberi kuasa kepada penghulu-penghulu tersebut mendapatkan anak raja dari Pagar Ruyong iaitu Raja Melewar.
12. Raja Melewar ke Siak dan Johor untuk meminta izin memerintah Negeri Sembilan.
13. Raja Melewar ditabalkan sebagai Yamtuan.
14. Amalan melantik pembesar dari Pagar Ruyong berakhir selepas Raja Lenggang menjadi Yamtuan Besar
15. Negeri Sembilan adalah pengeluar bijih timah, beras dan hasil hutan.
16. Keamanan sesebuah negeri dapat dicapai apabila keputusan dibuat secara muafakat.

(3) Rumusan

1. Pembentukan kerajaan Melayu memberi iktibar bahawa proses pembinaan sesebuah negara bukanlah proses yang mudah.
2. Pengorbanan, perjuangan, semangat jati diri dan kegigihan penting untuk negara.

BAB 9 : WARISAN KESULTANAN MELAYU

(1) Sistem pemerintahan negeri Melayu

a) Pentadbiran peringkat negeri

1. Sultan lambang kedaulatan negeri.
2. Sultan miliki kesempurnaan, kebolehan, keistimewaan
3. Kedaulatan melalui kemampuannya melaksanakan undang-undang dengan adil.
4. Kedaulatan jamin keamanan, kesetiaan dan sokongan
5. Unsur kukuhkan kedaulatan sultan - kecemerlangan, keunggulan peribadi dan kepahlawanan sultan
6. Sultan dibantu kerabat diraja & pembesar
7. Kedaulatan diperkukuh dgn alat kebesaran.
8. Cap mohor diraja - alat kebesaran - mengesahkan arahan dan lambang surat rasmi kerajaan.
9. Alat kebesaran lain - tengkolok atau destar
10. Alat kebesaran tidak boleh digunakan oleh rakyat
11. Warna kuning pada hiasan
12. Payung putih dikhususkan kepada raja
13. Payung kuning digunakan oleh anak raja.
14. Nobat - alat muzik diraja dalam upacara
 - i. pertabalan raja,
 - ii. kemangkatan raja dan kerabatnya
 - iii. keberangkatan raja ke balairung seri.
15. Alat muzik nobat terdiri daripada semambu, gong, nafiri, serunai, dua gendang besar (nakara) dan dua gendang kecil (tabal).
16. Bahasa dalam/ bahasa istana seperti santap
17. Rakyat dilarang mengguna bahasa dalam
18. Perintah sultan mestilah dilaksanakan.
19. Rakyat yang ingkar dianggap derhaka.
20. Rakyat menderhaka akan ditimpa tulah.

b) Pentadbiran peringkat jajahan & daerah

1. Jajahan dan daerah ditadbir oleh pembesar
2. Pembesar dilantik terus oleh sultan.
3. Perlantikan melalui pemberian surat tauliah.
4. Pembesar taat pada sultan.
5. Tugas utama pembesar jajahan dan daerah
 - i. jaga keamanan negeri
 - ii. pertahankan kedaulatan negeri.
 - iii. serahkan hasil dan cukai kepada kerajaan.
 - iv. sediakan tenaga kerja.

c) Pentadbiran peringkat kampung

1. Tugas ketua kampung (penggawa/penghulu)
 - i. pungut cukai
 - ii. bekalkan tenaga tentera
 - iii. kekalkan taat setia masyarakat kampung.
 - iv. perantara pembesar dan rakyat jelata.
2. Pemimpin kampung lain - golongan agama
3. Tugas golongan agama
 - i. penasihat sultan, kadi, mufti
 - ii. berdakwah,
 - iii. kendalikan pengajian agama
 - iv. hasilkan karya agama.
 - v. menjadi imam, khatib, bilal & juru nikah.

4. Golongan magis

- i. seperti bomoh dan pawing
- ii. mahir di bidang perubatan.
- iii. berkebolehan menyembuhkan penyakit
- iv. mengetahui khasiat akar kayu dan herba.
- v. menjadi pemimpin masyarakat kampung.

(2) Sistem pemerintahan Negeri Sembilan

(a) Adat Perpatih dan Adat Temenggung

1. Berasal dari Sumatera.
2. Datuk Perpatih Nan Sebatang mengasaskan Adat Perpatih di Pagar Ruyong, Sumatera.
3. Adat perpatih dilaksanakan apabila orang Minangkabau berhijrah ke Tanah Melayu dan menetap di Nanning & Negeri Sembilan.
4. Datuk Ketemenggungan - asaskan Adat Temenggung. di Palembang, Sumatera.
5. Adat Ketemenggungan dibawa ke Tanah Melayu setelah keturunan raja Palembang datang ke Melaka.
6. Adat Temenggung diamalkan di semua negeri di Malaysia kecuali Nanning dan Negeri Sembilan.
7. Orang yang mahir dalam mentafsir dan melaksanakan hukum undang adat ialah ketua adat.

b) Sistem pemerintahan Negeri Sembilan

1. Pemerintah tertinggi ialah Yamtuan Besar
2. Peranan sama dengan peranan raja Melayu
3. Undang ialah ketua segala luak atau luak.
4. Empat luak diperintah oleh Undang iaitu Sungai Ujong, Jelevu, Johol dan Rembau
5. Luak lain diperintah oleh Penghulu.
6. Tugas Undang - memilih Yamtuan Besar.
7. Lembaga ialah ketua suku atau waris.
8. Peranan Lembaga
 - i. pilih Undang
 - ii. jaga keselamatan dan keamanan
 - iii. selesaikan pertelingkahan antara suku
 - iv. kendalikan pembahagian harta pusaka
 - v. perantara anggota sukunya dengan Undang.
9. Buapak ialah ketua Perut
10. Setiap anggota Perut merupakan Anak Buah.
11. Buapak-tmpt rujukan adat dan hukum.
12. Hidup bersuku-suku
13. Setiap suku tersebut dianggap satu keluarga.
14. Pemilihan pemimpin dalam Adat Perpatih
 - i. Anak Buah memilih Buapak
 - ii. Buapak memilih Lembaga.
 - iii. Lembaga memilih Undang.
 - iv. Undang memilih Yamtuan Besar.
15. Sistem pemilihan ikut amalan demokrasi.
16. Mempunyai alat kebesaran diraja

(3) Undang-undang adat

1. Peraturan berdasarkan amalan kebiasaan
 2. Dihafal secara turun-temurun
- (a) Adat Temenggung**
1. Pemerintahan bercorak autokratik.
 2. Kuasa tertinggi ditangani sultan atau raja.

3. Peranan sultan
 - i. ketua pentadbir
 - ii. ketua agama
 - iii. simbol kedaulatan
 - iv. perpaduan rakyat.
4. Sistem kekeluargaan - sebelah ibu dan ayah.
5. Lelaki menjadi ketua keluarga.
6. Nasab keturunan - sebelah bapa.
7. Perkahwinan - hukum syarak (boleh kahwin sepupu).
8. Pembahagian harta pusaka - anak lelaki
9. Hukuman bertujuan memberi pengajaran
10. Sultan melaksanakan hukuman. Pembesar atau penghulu melakukannya sekiranya mendapat mandat.

b) Adat Perpatih

1. Menekankan demokrasi dan permuafakatan.
2. Setiap suku mempunyai wakil
3. Keputusan dibuat bersama.
4. Yamtuan Besar berunding dengan Undang
5. Keluarga sebelah ibu diutamakan kerana jurai ini melahirkan suku.
6. Nasab keturunan - sebelah ibu.
7. Perkahwinan sesama suku dilarang kerana dianggap bersaudara.
8. Perwarisan harta - sebelah ibu kerana anak perempuan menjadi asas kewujudan suku.
9. Hukuman bertujuan untuk pemulihan
10. Undang-undang menyedarkan pesalah supaya tidak mengulang kembali kesilapan.

(4) Undang-undang bertulis

1. Himpunan peraturan, larangan dan adat istiadat dalam bentuk bertulis.

(a) Hukum Kanun Melaka

1. Dokumen undang-undang
2. Mengandungi 44 fasal.
3. Menggariskan hak dan keistimewaan raja
4. Menggariskan peranan raja dan pembesar.
5. Mengandungi unsur Islam - berkaitan jenayah, muamalah, keluarga,

(b) Undang-undang Laut Melaka

1. Peraturan pelayaran & perdagangan.
2. Antara kandungannya
 - i. tugas pengawal kapal.
 - ii. Langkah keselamatan dalam kapal.
 - iii. Tugas anak-anak kapal.
 - iv. Penyewaan kapal dagang.
3. Kuasa nakhoda menjatuhkan hukuman.

(c) Undang-undang Pahang

1. Digubal masa Sultan Abdul al-Ghaffar Muhiyuddin
2. Kandungan
 - i. adat lembaga negeri, keistimewaan raja & pembesar
 - ii. Undang-undang jenayah, penderhaka, pezina
 - iii. undang-undang awam.

d) Undang-undang 99 Perak

1. Berasal daripada Parsi.
2. Digunakan di Perak

3. Terkandung 99 kesalahan dan hukuman.
4. Kandungannya ialah
 - i. syarat memegang jawatan kerajaan seperti sultan, penghulu, khatib dan kadi.
 - ii. Peraturan adat menghadap & lantik raja.
 - iii. Hukuman jenayah, undang dan pertanian.
 - iv. Undang-undang kekeluargaan seperti perkahwinan, perceraian dan zina.

e) Undang-undang Kedah

1. terbahagi
 - i. undang-undang pelabuhan seperti cukai,
 - ii. peraturan keselamatan pelabuhan
 - iii. peraturan timbangan dan ukuran.

(5) Kegiatan ekonomi di negeri Melayu

a) Pertanian

1. Tanaman spt padi, sayur-sayuran
2. Pertanian berhampiran sungai - tanahnya subur dan mudah dapat sumber air.
3. Kawasan delta Sungai Kedah dan Kelantan - kawasan utama tanaman padi sawah.
4. Peralatan pertanian – tajak, cangkul, bajak, tenggala, penggelek, penyisir, pencakar, sabit, ketam padi dan kuku kambing
5. Kerbau - membajak kawasan tanaman padi.
6. Petani membina empangan. Contohnya Terusan Wan Mat Saman di Kedah.

b) Perikanan

1. Mahir membuat peralatan perikanan seperti serkap, tangguk, bubu, tanggul
2. Hasil tangkapan diperdagangkan
3. Lebihan hasil dibuat ikan kering, belacan, budu dan keropok.

c) Kraf tangan

1. Memanfaatkan sumber semula jadi seperti daun mengkuang, daun pandan, dan nipah.
2. Sumber semula jadi dijadikan tikar, bakul
3. Menenun songket dan hasilkan seni tekak.
4. Membuat senjata seperti keris.
5. hasilkan perhiasan daripada emas dan perak

d) Perlombongan

1. Kaya dgn bijih timah & emas.
2. Melombong kerja tradisi orang Melayu.
3. Bijih timah terdapat di
 - i. Lembah Kinta
 - ii. Larut
 - iii. Dinding dan Beruas di Perak
 - iv. Sungai Linggi & Sungai Ujong
 - v. Sungai Bernam, Sungai Selangor dan Sungai Klang di Selangor.
4. Emas di Pahang, Terengganu dan Kelantan.
5. Guna kaedah mendulang atau melampas dan lombong Siam.
6. Logam bijih timah dijadikan bahan dagangan, mata wang dan perkakas rumah.
7. Emas dan perak - buat barang perhiasan.

e) Sistem percukaian

1. Cukai - bayaran hasil pertanian, perlombongan,

perdagangan dan hasil hutan.

2. Cukai menjadi pendapatan pemerintah
3. Sungai - tempat memungut cukai.
4. Cukai labuh batu - cukai yang dipungut di tempat tertentu di sepanjang sungai.
5. Jika cukai dipungut di kuala sungai - dikenali cukai bebas kuala.
6. Cukai dikenakan ke atas barang dagangan yang dibawa masuk melalui pelabuhan.
7. Cukai kepala - cukai kepada rakyat untuk membuat bunga emas (ufti). Diamalkan di Kedah, Kelantan dan Terengganu.
8. Cukai tanaman - cukai dikenakan jika mengeluarkan hasil yang banyak.
9. Cukai - lambang kekuasaan pembesar

f) Sistem serah dan kerah

1. Diamalkan oleh masyarakat Melayu.
2. Sistem serah - pemberian hasil tanaman kpd pemerintah.
3. Balasan kpd pembesar yang sediakan tanah
4. Kadar dan nilai serahan bergantung kepada hasil tanaman yang diperolehi
5. Kerah - kerja yang dibuat tanpa diberi upah, misalnya membina istana, kubu

g) Perdagangan

1. Perdagangan - jual beli dan tukar barang.
2. Sultan dan pembesar menjadi pemodal.
3. Sultan memonopoli kegiatan perdagangan.
4. Perdagangan - secara berjaja di pasar atau di luar kawasan pasar.
5. Pusat perdagangan - di pelabuhan seperti Melaka, Kedah, Klang dan Johor Lama.
6. Kegiatan mengumpul hasil hutan untuk tujuan perdagangan dikenali meramu.

h) Tukar barang dan penggunaan mata wang

1. Sistem perdagangan tukar barang (barter) .
2. Kulit siput geweng & siput gerus - mata wang.
3. Kemudian guna mata wang logam daripada bijih timah dan emas.
4. Mata wang logam iaitu kaleng (calains) drp timah digunakan di Melaka.
5. Di Terengganu, wang emas dan kupang (segi lapan), wang syiling keping atau pitis serta jokoh digunakan.
6. Johor - mata wang emas mas dan kupang.
7. Kelantan - wang emas kijang, dinar, kupang dan pohon pitis.
8. Di Negeri Sembilan, Pahang, Selangor dan Perak - mata wang jongkong tampang atau timah
9. Di Selangor - jongkong timah (tampang sebuaaya)
10. Di Kedah- mata wang berbentuk ayam jantan.

i) Timbangan, sukatan dan ukuran

1. Timbangan - ukur berat sesuatu barangan.
2. Alat dacing dan pikul
3. Barangan ditimbang – emas, perak, bijih timah,
4. Sukatan mengukur isi padu sesuatu benda.
5. Alat yang digunakan – kaul, cupak, gantang
6. Barang yg disukat – beras, bijih timah, rempah,
7. Di Kedah, unit relung mengukur keluasan tanah

8. Ukuran anggota badan – sejengkal, sehasta.

9. Masyarakat Melayu mengukur jarak antara kampung dengan kampung lain berdasarkan tempoh masa berjalan atau berkayuh sampan melalui sungai seperti sepelaung, setanak nasi

j) Pengangkutan

1. Jenis pengangkutan air – jalur, kolek, perahu,
2. Denai penarikan
 - i. perahu ditarik untuk sampai ke sungai
 - ii. hubungkan Pahang dengan Melaka.
 - iii. masa perjalanan menjadi singkat.
3. Gajah, kerbau, lembu - mengangkut barangan.
4. Sungai menjadi jalan pengangkutan utama

(5) Sosiobudaya

1. Dibahagikan beberapa lapisan sosial dan hierarki kedudukan.
2. Kedudukan individu berubah melalui 2 cara.
 - i. taraf sedia - pertukaran tugas atau pekerjaan tanpa menjejaskan taraf sosialnya.
 - ii. taraf pencapaian - berubah ke lapisan lebih tinggi kerana kebolehan istimewa atau khidmat baktinya kpd pemerintah.

a) Struktur masyarakat gol pemerintah

1. Kumpulan pemerintah terdiri daripada
 - i. raja atau sultan
 - ii. keluarga dan kaum kerabatnya
 - iii. pembesar
 - iv. Ulama
 - v. pendeta.
2. Sistem penggantian raja berbeza antara satu negeri dengan negeri Melayu yang lain
3. Perak menggunakan sistem giliran.
4. Raja dibantu oleh kaum kerabatnya.
5. Kerabat diraja jadi pembesar didaerah/raja di jajahan.
6. Golongan pembesar (pentadbir)
 - i. bantu sultan.
 - ii. Arah rakyat melakukan kerja awam
 - iii. Jawatan pembesar disandang secara monarki dan dilantik sendiri oleh raja atau sultan.
 - iv. Cthnya: jwt Laksamana oleh keluarga Hang Tuah.
7. Kumpulan ulama
 - i. ulama tempatan dan luar negeri.
 - ii. bantu mendidik rakyat berakhlak mulia.
 - iii. menjadi penasihat raja
 - iv. sebagai guru agama, kadi atau imam.
8. Golongan pendeta
 - i. pakar dalam ilmu pengetahuan.
 - ii. mahir bidang salasilah raja, kesusasteraan, kebudayaan, dan adat istiadat Melayu.
 - iii. menjadi pakar rujuk sultan & masyarakat.

b) Struktur masyarakat golongan diperintah

1. Golongan diperintah terdiri daripada
 - i. golongan merdeheka
 - ii. hamba
2. Golongan merdeheka - rakyat biasa yang bermastautin tetap dan orang asing.

3. Rakyat biasa menjadi pedagang, petani, tukang ukir, pembuat senjata, penghibur raja, pelakon sandiwara, pawang, bomoh.
3. Rakyat asing menjadi askar upahan, pedagang dan pelombong.
4. Golongan hamba - paling bawah sekali.
5. Hamba raja, hamba berhutang dan hamba biasa.
6. Hamba buat kerja pertanian, perlombongan dan pertahanan.

c) Gaya hidup golongan bangsawan

1. Gaya hidup raja - diamalkan di istana
2. Gaya hidup pembesar - di luar istana.
3. Golongan bangsawan terdiri daripada raja, kaum kerabat dan pembesar
4. Golongan bangsawan amalkan adat-istiadat, bahasa dan cara berpakaian yang tersendiri.
5. Dalam upacara pertabalan sultan Melaka
 - i. Bendahara duduk berhampiran singgahsana.
 - ii. Laksamana dan Sri Bija Diraja bawa pedagang kerajaan.
6. Alat-alat kebesaran dibawa bersama - keris panjang, cogan, tepak, ketur, tempat bara dan kitab al-Quran
7. Dalam upacara kemangkatan raja
 - i. jenazah baginda akan disempurnakan mengikut hukum agama Islam
 - ii. Bendera kuning akan diturunkan dan diganti dengan bendera putih.
 - iii. Tembakan meriam akan dilepaskan bagi menghebahkan kepada rakyat.
 - iv. upacara perlantikan raja yang baru
8. Dalam upacara menjunjung duli
 - i. dilakukan oleh pembesar sebagai tanda taat setia.
 - ii. dilakukan di balairung seri ketika menghadap dan menyembah raja.
 - iii. Semasa menghadap raja, menggunakan istilah patik dan tuanku.
 - iv. dilarang menggunakan bahasa dalam
 - v. mestilah bertanjak, berpancung dan kerisnya hendaklah diselitkan di hadapan.
 - vi. Orang yang menghadap dilarang memakai kain nipis yang dipanggil kasa.
9. Upacara menyambut tetamu atau utusan
 - i. sambutan dibuat berdasarkan kedudukan negara utusan sama ada setaraf atau tidak
 - ii. Jika taraf negara lebih rendah, maka alat kebesaran dan peralatan sambutan kurang berbanding dengan negara setaraf.
10. Dari segi pakaian diraja, pakaian diraja - dibuat guna emas dan dihiasi permata.
11. Alat perhiasan - pending, dokoh, bengkung dan keris.
12. Gaya hidup bangsawan melambangkan status lebih tinggi serta membezakannya dengan rakyat biasa.

d) Gaya hidup golongan rakyat

1. Diamalkan di luar istana.
2. Nilai murni seperti gotong-royong.
3. Di utara Sem. Malaysia, amalan gotong royong dinamakan berderau atau berseraya.

4. Amalan menghormati jiran
 - i. Jiran dianggap keluarga terdekat.
 - ii. Menghormati jiran
5. Menghormati orang lebih tua
 - i. dipanggil pangkat seperti pak long, pak ngah dan pak lang.
 - ii. mencium tangan orang yang lebih tua.
 - iii. membongkokkan badan dan berjalan dengan tertib di hadapan atau belakang orang yang lebih tua.
6. Amalan budaya ziarah-menziarahi.
 - i. Tetamu memberi salam dan dijawab oleh tuan rumah.
 - ii. Tuan rumah mempersilakan tetamu masuk, lalu dihamparkan tikar
 - iii. Tepak sirih disorongkan dan makan minum dihidangkan.
 - iv. Sebelum makan, mereka membasuh tangan dan membaca doa, tangan kanan digunakan untuk menyuap makanan.
 - v. Ketika makan, mereka kurang berbual atau ketawa kerana dianggap tidak sopan.
7. Amalan mementingkan perpaduan, tolong-menolong

e) Kegiatan masa lapang

1. Bangsawan dan rakyat- aktiviti seperti bermain sepak raga, catur, senjata, bersilat, menunggang kuda.
2. Di istana raja, golongan penghibur seperti
 - i. tukang cerita
 - ii. penyair
 - iii. Penyanyi
 - iv. ahli muzik
3. Muzik dan tarian yang dipersembahkan - tarian Asyik dan tarian Mak Yong.
4. Rakyat mengisi masa lapang dengan bermain layang-layang, bermain gasing, bersilat, bercerita, berpantun
5. Aktiviti masa lapang memupuk persefahaman dan menajamkan fikiran.

f) Karya persuratan

1. Karya persuratan - melalui tulisan jawi.
2. Karya persuratan ialah bidang agama seperti fikah, usuluddin,
3. Karya lain seperti karya kesusasteraan, ketatanegaraan, sejarah,
4. Contoh karya - Misa Melayu, Sejarah Melayu, Syair Sultan Ahmad Tajiddin, Nazam Kamzul la, Tuhfat al-Nafis dan Kitab al-Darr al Manzum.
5. Karya persuratan-tambah ilmu pengetahuan.

g) Sastera lisan

1. Sastera lisan disampaikan oleh tukang cerita sambil bermain alat muzik seperti gendang
2. Sastera lisan memberi hiburan dan memberi nasihat.
3. Antara sastera lisan
 - i. cerita penglipur lara seperti Hikayat Raja Muda, Hikayat Malim Deman dan Hikayat Anggun Cik Tunggal

- ii. cerita jenaka - Lebai Malang, Pak Kaduk, dan Si Luncai.
- iii. cerita binatang - Sang Kancil dan Harimau, Pelanduk dan Buaya, serta Kura-kura dan Arnab.
- iv. cerita dongeng - Puteri Sa'dong, Tasik Dayang Bunting, dan Cik Siti Wan Kembang.

h) Kesenian rakyat

1. Antara kesenian rakyat - kesenian muzik, seni tari, seni suara, seni ukir, seni bina, seni mempertahankan diri.
2. Kegiatan seni mempamerkan bakat dan nilai mutu seni yang tinggi.
3. Kegiatan seni berkumpul membentuk masyarakat bersatu padu.
4. Seni muzik – Hadrah, gamelan, rebana ubi, seruling, kompang, nafiri dan gong.
5. Seni tari – joget, inang, zapin, kuda kepang, asyik.
6. Seni suara atau lagu - endoi atau dendang Siti Fatimah, ulit anak, nazam, marhaban, nasyid
7. Seni bina
 - i. Rumah orang Melayu berbumbung panjang, bertebat layer dan tidak berpaku.
 - ii. Rotan atau akar untuk mengikat persendian, bahagian dalaman rumah dihiasi ukiran bermotif alam semula jadi.
 - iii. Reka bentuk dipengaruhi unsur luar. Di Negeri Sembilan- pengaruh rumah Minangkabau. Di Kelantan, Terengganu dan Pahang - pengaruh seni bina Siam dan Majapahit.
 - iv. Orang Melayu Johor mendapat pengaruh reka bentuk Belanda.
8. Seni ukir orang Melayu
 - i. bijak mengukir tembaga,
 - ii. memahat dan mengukir pintu
 - iii. membuat mimbar masjid.
 - iv. Ukiran - corak ukiran timbul, terbenam dan tembus.
 - v. Tema ukiran berbentuk daun, bunga dan ayat-ayat al-Quran dengan tulisan khat.
9. Seni tekat
 - i. popular di kalangan Melayu.
 - ii. guna kain baldi untuk dijadikan kain dasar dan disulam dengan benang emas yang berbentuk bunga serta pohon.
 - iii. Contoh: kipas, bantal & balutan tepak sirih
 - iv. terkenal di Kelantan, Terengganu dan Pahang.
10. Tenunan
 - i. tiga jenis iaitu tenunan biasa, benang ikat celup dan songket.
 - ii. Corak tenunan berunsurkan tumbuhan, binatang, bunga dan bentuk geometri.
11. Seni mempertahankan diri dan bermain senjata
 - i. rakyat mendisiplinkan dirinya
 - ii. ketahanan diri menghadapi musuh.

i) Adat resam

1. Adat perkahwinan.
 - i. Merisik - mengetahui gadis sudah mempunyai atau tidak, cincin tanda diberi sebagai tanda setuju.
 - ii. Meminang - di mana pihak lelaki menghantar rombongan peminangan dgn bawa cincin
 - iii. Tarikh akad nikah & majlis perkahwinan
 - iv. Majlis akad nikah - diadakan di rumah pengantin perempuan dan dijalankan oleh juru nikah.
 - v. Majlis perkahwinan - pengantin bersanding di atas pelamin.
2. Adat menyambut bayi.
 - i. Selepas seminggu bayi dilahirkan
 - ii. Kenduri dan upacara cukur jambul iaitu mencukur rambut bayi dilakukan sebagai tanda bersyukur kepada Allah Taala.
 - iii. Diadakan bacaan berzanji dan marhaban.
 - iv. Majlis diakhiri dengan bacaan tahlil dan doa selamat.
3. Adat Berkhatan
 - i. Bagi kanak-kanak lelaki yang telah baligh (cukup umur)
 - ii. dilakukan beramai-ramai
 - iii. kanak-kanak lelaki akan dimandikan dan diarak mengelilingi kampung.
 - iv. Upacara berkhatan oleh Tuk Mudim.

j) Pendidikan

1. Pendidikan tidak formal
 - i. kanak-kanak mempelajari pantang-larang, adat-istiadat dan adab sopan dr ibu bapa/ orang dewasa
 - ii. dipelajari secara tidak langsung.
 - iii. Melalui cerita lisan, peribahasa, pantun dan teka-teki.
 - iv. Berkesan kepada kanak-kanak.
 - v. kemahiran pertukangan
 - vi. ilmu perubatan tradisional.
 - vii. Kemahiran melalui pemerhatian kanak-kanak sendiri.
 - viii. seni mempertahankan diri.
 - ix. Kemahiran diwarisi
2. Pendidikan formal
 - i. berkembang selepas kedatangan Islam
 - ii. Pelajari kitab muqaddam dan al-Quran, fardu ain, mengira, menulis jawi, tajwid, rukun Islam
 - iii. Diadakan di istana, masjid, pondok, madrasah, surau dan rumah guru agama.
 - iv. Ada melanjutkan pelajaran agama ke Makkah.
3. Pendidikan bertujuan melahirkan individu yang berakhlak mulia, berkelakuan sopan, bertatasusila dan berhemah tinggi.

(6) Rumusan

1. Berbangga dengan warisan Kesultanan Melayu Melaka
2. Harus menghormati dan mematuhi undang-undang.
3. Harus mengamalkan budaya kekitaan
4. Meneruskan dan mempertahankan identiti bangsa.

BAB 10 : SARAWAK

(1) Latar belakang sejarah Sarawak

1. Nama berasal nama Batang Sarawak atau Sungai Sarawak.
2. Kewujudan manusia dijumpai kira-kira 40 ribu tahun dahulu.
3. Buktinya ialah
 - i. tinggalan tembikar
 - ii. kapak, pisau daripada batu
 - iii. lukisan yang diconteng pada dinding gua.
4. Negeri terawal diduduki oleh manusia

(2) Pertalian Sarawak dgn Kesultanan Brunei dan Sulu.

1. Ditadbir Kesultanan Brunei sejak abad 15.
2. bahagikan Sarawak kpd unit jajahan.
3. Setiap unit jajahan ditadbir oleh seorang pembesar yang mempunyai kuasa autonomi.
4. Sungai Skrang ditadbir oleh Syarif Sahap
5. Sungai Sarawak (Kuching) ditadbir oleh Pangeran Mahkota.

(3) Masyarakat Sarawak

1. Terbahagi mengikut kawasan penempatan
 - i. persisiran pantai
 - ii. lembah sungai
 - iii. pedalaman dan tanah tinggi.
2. Kawasan paling padat penduduk ialah di dataran pantai, lembah sungai di barat Kuching dan kawasan antara Sungai Kayan dengan Sungai Mukah.
3. Corak penempatan & taburan penduduknya berselera menyebabkan mereka kurang berhubung dgn orang luar

(a) Masyarakat di persisiran pantai.

1. Orang Melayu duduki kawasan Kuching, Simanggang, Sibul, Mukah, Oya, Saribas dan Tanjung Datu.
2. Orang Melanau duduki Lembah Utara Rajang, Mukah, Oya dan Bintulu.

b) Masyarakat di Lembah sungai.

1. Orang Iban tinggal di kawasan Sungai Saribas, Sungai Skrang, Sungai Batang Lupar dan Sungai Rajang.
2. Orang Bidayuh tinggal di Singgai, Sadong, Sungai Kayan.
3. Orang Kenyah tinggal di kawasan Batang Baram, Ulu Batang, Rajah, Balui.

c) Masyarakat di pedalaman.

1. Orang Kelabit tinggal di kawasan Lembah Terusan, Sungai Baram.
2. Orang Penan menduduki kawasan Hutan Baram dan Sungai Rajang.
3. Orang Murut menduduki kawasan kaki bukit dan gunung di utara Sarawak dan di kawasan Sungai Trusan dan Limbang.

(3) Kegiatan sosiobudaya

a) Pendidikan.

1. Penduduk bumiputera menerima pendidikan tidak formal dan formal.
2. Pendidikan tidak formal melalui cerita lisan yang berkaitan amalan dan kepercayaan turun-temurun spt cara berburu dan pungut hasil hutan.
3. Pendidikan formal berkaitan agama yang dijalankan di masjid dan sekolah agama.
4. Pendidikan agama Islam - membaca al-Quran dan menulis jawi diajar kepada etnik yang beragama Islam.
5. Pendidikan berkaitan hukum Islam spt cara melaksanakan ibadat diajar oleh guru al-Quran, imam dan lebai.

b) Peraturan dan adat resam.

1. Bagi masyarakat beragama Islam cara hidup dan adatnya berasaskan ajaran Islam,
2. Bagi masyarakat bukan Islam, cara hidup berasaskan warisan turun-temurun
3. Masyarakat bumiputera Sarawak mempunyai tuai rumah - bertanggungjawab menjaga keselamatan dan keamanan
4. Tuai rumah selesaikan masalah perkahwinan, perceraian, peraturan dan perayaan.
5. Dua upacara ditentukan oleh tuai rumah
 - i. tarikh Hari Gawai (pesta menuai)
 - ii. tarikh perayaan 'Beranyi'.
6. Orang Iban mempunyai tradisi menyimpan pasu, gong dan tempayan yg dipanggil tajau.
7. Tajau diwarisi turun-temurun, bernilai, dianggap suci dan dihormati.
8. Tajau berfungsi sebagai harta simpanan dan diperolehi secara tukar barang.
9. Orang Kayan, Kelabit dan Kenyah menindik telinga dan menggantung gelang-gelang timah atau tembaga hingga cuping telinga menjadi lanjut.
10. Menindik telinga gambarkan kecantikan.
11. Jenis anting-anting yang digunakan akan menggambarkan status yang berbeza.
12. Orang Kayan, Kelabit dan Kenyah - amalan melukis tatu pada badan.
13. Orang Melayu Sarawak amalkan peraturan adat resam berasaskan agama Islam.
14. Orang Iban, Bidayuh dan Orang Ulu masih tinggal di rumah panjang.
15. Rumah panjang spt sebuah perkampungan.
16. Tuai rumah menjaga keamanan anak buah.

c) Kebudayaan.

1. Orang Melanau merayakan perayaan Kaul.
2. Ciri-ciri perayaan Kaul
 - i. Menjamu ipok yang mengawal laut.
 - ii. Tujuan perayaan untuk memperoleh hasil tangkapan yang memuaskan, selamat ketika di laut dan mengelakkan penyakit.
 - iii. serahang yang diperbuat daripada daun buluh dan daun nipah akan dimasukkan bertih, telur ayam, pulut kuning, kirai (rokok daun) dan sirih.
 - iv. Serahang inilah yang disediakan untuk menjamu ipok.
3. Orang Iban merayakan perayaan Gawai (Pesta Menuai).
 - i. Jenis Hari Gawai - Gawai Burung, Gawai Batu, Gawai Kenyalang dan Gawai Antu
 - ii. Tarian Ngajat sebagai tanda kesyukuran dalam pesta menuai padi.
4. Di kalangan orang Melayu Sarawak, seni tradisi mereka dinamakan bergendang.
 - i. hanya kaum lelaki yang menari.
 - ii. Kaum perempuan bermain gendang sambil menyanyi dan berpantun.
 - iii. meliputi permainan muzik, nyanyian, pantun dan tarian.

d) Agama dan kepercayaan.

1. Iban, Murut, Kelabit, Kenyah, Kayan dan Bisaya - amalkan kepercayaan animisme.
2. Orang Melanau yang bukan beragama Islam percaya makhluk ghaib yang dipanggil ipok.
3. Orang Penan dikenali sebagai Penan nomad
 - i. amalkan hidup berpindah - randah, apabila berlakunya kematian.
 - ii. Dilarang menetap kekal di suatu tempat.
 - iii. Dilarang menebang pokok besar dan melapangkan kawasan hutan.
4. Kepercayaan orang Iban
 - i. apabila membuka penempatan dan mendirikan rumah, kawasan tanah yg ingin didirikan rumah perlu disemah terlebih dahulu.
 - ii. percaya kepada petanda lain seperti bunyi burung ketupung dan burung beragai.
 - iii. Bunyi burung - dikatakan petanda mereka tidak boleh mendirikan rumah di kawasan itu.

(5) Kegiatan ekonomi

a) Sara diri.

1. Menyara hidup dengan
 - i. menanam padi huma atau padi bukit
 - ii. jadi nelayan,
 - iii. pungut hasil hutan
 - iv. berniaga kecil-kecilan.
2. Orang Iban, Murut, Kenyah dan Kayan di kawasan pedalaman menanam padi, berburu dan memungut hasil hutan

3. Orang Penan di hulu Sungai Baram dan Sungai Rajang - berburu binatang dengan menggunakan sumpitan.
4. Pekerjaan orang Melayu
 - i. menanam padi sawah dan kelapa
 - ii. peniaga kecil-kecilan
 - iii. orang tengah dalam perniagaan.
5. Kegiatan ekonomi orang Melanau
 - i. menanam padi sawah
 - ii. menjadi nelayan.
6. Kegiatan ekonomi orang Bidayuh
 - i. menanam padi huma
 - ii. jadi peladang.
7. Kegiatan ekonomi orang Kelabit
 - i. menanam padi sawah
 - ii. berburu
 - iii. pungut hasil hutan.
8. Penduduk di pedalaman -pungut hasil hutan

b) Pertanian

1. Padi huma ditanam di tempat tinggal etnik Iban, Bidayuh dan orang Ulu.
2. Padi sawah ditanam oleh orang Kelabit. Terkenal dengan beras jenis bario.
3. Sagu diusahakan oleh orang Melanau,
 - i. sagu ini tumbuh di kawasan berpaya
 - ii. Selepas 10 tahun sagu boleh ditebang
 - iii. Ripo (isi dalam sagu) dikeluarkan, dijemur hingga kering
 - iv. diproses sebelum dijadikan tepung sagu yang dikenali sebagai lemantak.
4. Sarawak terkenal sebagai pengeksport sagu.
5. Lada hitam oleh Kedayan dan Murut
6. Sarawak pengeksport lada hitam.

c) Perlombongan

1. Antimoni dan emas bahan galian terpenting
2. Awalnya ditadbir oleh Datu Patinggi Ali.
3. Kaum Bidayuh - kaum aktif dalam kedua-dua perlombongan
4. Orang Cina di Bau, Paku dan Bidi menjalankan kegiatan melombong emas.

d) Perdagangan

1. Kesultanan Melayu Melaka pernah menjalin hubungan perdagangan dengan Sarawak.
2. Barangan Sarawak - lada hitam, halia, kapur barus, sarang burung, emas, permata, ikan
3. Sarawak dikunjungi pedagang Cina utk dapatkan lada hitam, kapur barus, emas, kayu cendana, sumbu badak, telur penyu.
4. Pedagang Cina menjual barangan besi, kaca dan pinggan mangkuk di Santubong.
5. Pedagang Cina, Arab, India dan Kepulauan Melayu membawa barangan tembikar, sutera, barang logam, kain, barang perhiasan

BAB 11 : SABAH

(1) Latar belakang sejarah Sabah

1. Gelaran negeri di Bawah Bayu
2. Nama Sabah berasal drp perkataan 'saba' - sejenis pisang yang dipanggil pisang saba.
3. orang Bajau memanggilnya pisang jaba.
4. Masyarakat pantai barat Sabah menanam pisang jenis ini sebagai bahan makanan.

(2) Sabah dgn kesultanan Brunei dan Sulu

1. Sebelum abad ke-16, Sabah tidak mempunyai pemerintahan beraja atau organisasi sebuah negeri
2. Dibahagikan kepada tiga
 - i. sistem politik kesukuan
 - ii. sistem politik kesultanan
 - iii. sistem politik ketua bebas.
3. Sistem politik kesukuan terdapat di daerah pedalaman -didiami Kadazandusun, Murut dan Orang Sungei.
4. Mereka hidup dalam kelompok kecil dan dipisahkan daripada kumpulan lain oleh bentuk muka bumi seperti banjaran gunung, bukit-bukau dan sungai.
5. Sistem politik diamalkan di pedalaman walaupun Sabah diperintah oleh Kesultanan Brunei dan Sulu.
6. Sistem politik kesultanan diamalkan di persisiran pantai barat dan timur Sabah yang ditadbir oleh Kesultanan Brunei dan Sulu.
7. Abad17, Sabah dikuasai Kesultanan Brunei.
8. Kesultanan Brunei – ada masalah perebutan kuasa
9. Sultan Muyiddin serahkan kawasan timur laut Brunei kepada sultan Sulu kerana pertolongannya menewaskan musuh.
10. Sabah dibahagikan kepada dua kesultanan
 - i. Kesultanan Brunei
 - ii. Kesultanan Sulu.

(2) Masyarakat Sabah

1. Kadazandusun, Bajau, Melayu-Brunei, Murut, Suluk, Orang Sungei, Kedayan dan Bisaya.

a) Persisiran pantai.

1. Orang Melayu-Brunei di kawasan pantai barat Papar, Kimanis, Sipitang.
2. Orang Bajau di pantai barat dan pantai timur spt Kota Belud, Papar, Semporna, Tuaran.
3. Orang Suluk di pantai timur spt Semporna, Lahad Datu, Tawau, Kudat.

b) Lembah pantai

1. Kadazandusun di pantai barat dan pedalaman spt Penampang, Tambunan, Ranau, Papar, Kudat.

c) Pedalaman

1. Murut di Tenom, Persiangan, Keningau dan Rundum.

(3) Kegiatan sosiobudaya

a) Pendidikan

1. Pendidikan tidak formal dipelajari oleh kanak melalui keluarga atau masyarakat.
2. Mempelajari kemahiran - cara memancing, memanjat, berburu, bertukang,
3. Pendidikan formal amat terhad
4. Pendidikan berkaitan agama Islam seperti membaca al-Quran dan menulis jawi di surau, pondok dan di rumah guru agama.

b) Peraturan dan adat resam.

1. Undang adat penting dalam kehidupan
2. Amalan undang adat seperti babas, sogit, dan kepanasan dijalankan oleh ketua adat. Bertujuan eratkan hubungan masyarakat.
3. Kadazandusun percaya jika tidak mematuhi maka malapetaka seperti wabak penyakit, bencana alam serta kerosakan tanaman akan berlaku.
4. Undang adat dijalankan dalam amalan pertanian, perkahwinan dan kematian.
5. Dalam adat pertanian - amalan monogit iaitu upacara memuja semangat padi semasa menanam dan menuai padi.
6. Selepas musim menuai, perayaan penting orang Kadazandusun ialah Pesta Menuai.
 - i. pesta menuai setiap tahun 30 dan 31 Mei
 - ii. petani akan datang beramai-ramai.
 - iii. menjual hasil tanaman mereka di tempat perayaan atau Tamu Besar.
 - iv. tarian Sumazau dipersembahkan
 - v. Penari-penari memakai baju hitam yang bersulamkan benang emas
7. Dalam adat perkahwinan kaum Bajau
 - i. perkahwinan pada 14 dan 15 hari bulan Hijrah kerana cahaya bulan terang.
 - ii. Cahaya bulan yang terang menandakan pengantin akan dimurahkan rezeki.
 - iii. Upacara perkahwinan - Rabu dan Ahad.
 - iv. acara maglamilami (beramai-ramai) iaitu menjamu selera & menyaksikan hiburan.
8. Dalam adat kematian orang Murut
 - i. saudara-mara kaum Murut memukul tiang rumah apabila berlaku kematian
 - ii. Mayat dibersihkan dan dipakaikan pakaian sebelum dikebumikan.
 - iii. Mayat dikebumikan dalam posisi duduk.
 - iv. Mayat dibakar dalam tembikar
 - v. disimpan dalam rumah selama tujuh hari.

c) Agama dan kepercayaan.

1. Pada awalnya masyarakat mengamalkan pagan dan kepercayaan animisme.
2. Kedatangan agama Islam membawa nilai-Islam kepada Bajau dan Melayu-Brunei.
3. Keadaan tersebut mewujudkan kumpulan etnik yang beragama Islam dan pagan.
4. Kumpulan etnik tersebut mewujudkan sistem ketua di sesebuah kampung atau orang tua di rumah panjang.
5. Bagi etnik beragama Islam, ketuanya berperanan menguatkuasakan hukum agama Islam.
6. Orang Tua menguatkuasakan undang adat di kalangan etnik bukan beragama Islam.

Agama dan kepercayaan Kadazandusun:

1. Mengamalkan kepercayaan animisme.
2. Sebilangan kecil memeluk agama Islam.
3. Tuhan Kinorohingan bersemayam di dunia lain.
4. Percaya setiap orang yang mati rohnya akan pergi ke Gunung Kinabalu
5. Apabila tiba masanya roh itu akan pergi lebih jauh lagi sama ada ke syurga atau neraka.
6. Setiap tahun, mengadakan upacara Magavau selepas menuai padi. Upacara untuk menghormati semangat padi.
7. Pesta Keamatan - tanda kesyukuran kepada Kinorohingan yang memberi hasil padi
8. Upacara semasa Pesta Keamatan ialah pertandingan Ratu Cantik (Unduk Ngadau).
9. Ratu Cantik melambangkan Huminodun yang telah dikorbankan menjadi padi.
10. Bomoh untuk membuang kepanasan dipanggil Bobohizan.

Agama dan kepercayaan kaum Murut

1. mempercayai animisme
2. Gunung Antulai atau Gunung Aru (Gunung Hantu) dianggap sebagai tempat suci.
3. Percayai Aki Kopuno - kuasa yang mencipta segala-galanya.
4. Bomoh mereka yang berhubung dengan kuasa ghaib dipanggil Babalian.

d) Kesenian

1. Tarian Sumazau oleh etnik Kadazandusun
 - i. ditarikan ketika pesta menuai, musim perayaan
 - ii. disertakan pertandingan unduk ngadau atau ratu cantik.
2. Tarian Magunatip oleh etnik Murut
 - i. semasa majlis Hari Magavau iaitu memuja semangat padi.
 - ii. diiringi pukulan gong oleh sepasang penari yang terdiri lelaki dan wanita yang berpakaian tradisi.

iii. Dua orang melagakan alu dan dua orang lagi memegang pangkal alu supaya tidak berganjak dari kedudukannya.

3. Tarian Mangalang oleh etnik Murut
 - i. ketika menyambut tetamu dari jauh, berpindah rumah dan hari Monggotom (Hari Pesta Menuai Padi).
4. Tarian Limbai oleh etnik Bajau.
5. Alat muzik bumiputera diperbuat daripada buluh. Contoh alat muzik bas, sompoton, gabang, suling, kulintangan, salun
6. Pembinaan rumah panjang
 - i. tempat tinggal orang Murut dan Rungus.
 - ii. dibuat daripada hasil hutan seperti buluh,
 - iii. Hidup dalam sebuah keluarga yang besar.
 - iv. Ketua penghubung pemerintah - rakyat.
7. Mahir membuat barangan kraf tangan

(4) Kegiatan ekonomi

a) Sara diri

1. Pertanian, pungut hasil hutan, pungut hasil laut dan tangkap ikan.
2. Pertanian kekal dan pertanian pindah.
3. Pertanian pindah - tanaman padi huma di kaki bukit, petani berpindah selepas dua atau tiga tahun utk mencari tempat baru.
4. Pertanian kekal spt padi sawah - tertumpu di kalangan Kadazandusun di lembah pantai barat seperti di Penampang, Papar, Tuaran
5. Orang Murut memungut hasil hutan
6. Melayu-Brunei, Suluk & Bajau -pungut hasil laut
7. Orang Bajau - penyelam & kutip hasil laut
8. Tangkap ikan- penduduk di persisiran pantai
9. Orang Bajau - nelayan.
10. Gua Gomantong di Sandakan - pengeluar sarang burung utk dieksport ke China.
11. Sarang burung berwarna putih dan sarang burung berwarna coklat. Sarang burung berwarna putih lebih berkhasiat.
- 13 Untuk dapatkan sarang burung, pemungut guna tangga atau panjat dinding yg tinggi dgn menggunakan buluh.

b) Perdagangan

1. Bertukar barang/ berjual beli di Pasar Tamu.
2. Berkumpul menjual hasil keluaran mereka.
3. Orang Bajau, Melayu-Brunei dan Suluk perdagangan hasil laut dan beras.
4. Kadazandusun & Murut perdagangan hasil hutan.
5. Perdagangan secara tukar barang.
6. Barangan ditukar - damar, getah perca, bahan getah, lilin lebah, rotan, sumbu badak, manik, dan barang-barang makanan.
7. Pasar Tamu eratkan hubungan antara etnik dan

wujudkan semangat muhibah